

**DEWAN
NEGARA**

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. PUAN HAJAH DAYANG MADINAH BINTI
TUN ABANG HAJI OPENG**
TARIKH : **7.10.2013**
SOALAN :

Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2015 merupakan pelan yang setaraf negara maju. Peranan ibu bapa perlu sebagai “Pembimbing” anak-anak di rumah agar dapat sama-sama menentukan kejayaan agenda PPPM. Apakah mekanisme pihak Kementerian untuk PIBG sekolah seluruh negara bertindak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Anjakan 9 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 iaitu Bekerjasama dengan Ibu bapa, Komuniti dan Sektor Swasta secara meluas telahpun menetapkan pelancaran Sarana Ibu Bapa dan Sarana Sekolah pada 24 Februari 2013 sebagai sasaran pencapaian 100 hari dalam usaha membentuk satu ekosistem pembelajaran di kawasan masing-masing.

Mekanisme untuk menjayakan inisiatif ini adalah:

- a) Melatih jurulatih utama yang terdiri daripada guru dan Yang di-Pertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), guru besar dan pegawai Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) setiap negeri.
- b) Pelancaran Sarana Ibu bapa yang disertai oleh 5,000 peserta termasuk wakil PIBG.
- c) Promosi secara berterusan dan *roadshow* di semua negeri.

Sarana (*toolkits*) ibu bapa dan sarana sekolah telah menyediakan panduan dan mekanisme kepada ibu bapa untuk berperanan dalam meningkatkan pembelajaran anak. Sarana ini menyediakan instrumen bagi ibu bapa untuk mengetahui atau menilai tahap penglibatan mereka dalam membantu

meningkatkan pembelajaran murid. Seterusnya ibu bapa diberikan panduan dalam mendidik anak dan contoh-contoh amalan terbaik. Ibu bapa boleh menghubungi pihak sekolah untuk membantu ibu bapa dalam mendidik anak khususnya daripada aspek akademik.

KPM telah mewujudkan *Task Force* Inisiatif Penglibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Swasta peringkat KPM, JPN, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah sebagai mekanisme untuk pihak sekolah, PIBG, komuniti dan swasta bertindak dalam Anjakan 9, PPPM 2013-2025 iaitu kerjasama ibu bapa, komuniti dan swasta secara meluas. Sehubungan dengan itu, pihak PIBG diminta untuk bekerjasama dengan pihak sekolah supaya ibu bapa didedahkan tentang bagaimana untuk menggunakan dan memanfaatkan sarana ibu bapa. PIBG perlu menganjurkan program bersama-sama ibu bapa untuk membolehkan ibu bapa sedar, faham, menerima dan menggunakan sarana bagi meningkatkan pembelajaran anak.

Di bawah struktur PIBG sedia ada, Biro Kumpulan Sokongan Ibu Bapa (KSIB) diwujudkan untuk membantu ibu bapa melalui perkongsian buah fikiran dan menangani setiap isu. KSIB ialah saluran kerjasama dan komunikasi untuk merapatkan hubungan di antara ibu bapa, murid dan sekolah. Melalui KSIB lebih banyak interaksi, kerjasama perongsian dan percambahan ilmu dapat berlaku. Selain daripada itu, di bawah struktur PIBG juga diwujudkan Biro Maklumat untuk dijadikan medan komunikasi penyebaran maklumat di antara pihak sekolah ibu bapa dan masyarakat.

Njm01

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DR. ARIFFIN BIN S.M.OMAR
TARIKH : 7.10.2013
SOALAN :

Dr. Ariffin bin S.M.Omar minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menentukan bahawa universiti-universiti di Malaysia dapat mengadakan kursus-kursus bermutu yang dapat meningkatkan universiti-universiti tempatan ke taraf yang sama yang dinikmati oleh universiti-universiti yang disenaraikan pada peringkat antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang merupakan satu plan komprehensif sedang dilaksanakan meliputi pelbagai aspek pendidikan tinggi termasuk usaha meningkatkan kualiti program pengajian yang ditawarkan di semua institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan. Pelan tersebut mengandungi tujuh (7) Teras dan 23 Projek Agenda Kritikal (*Critical Agenda Project, CAPs*).

Teras ke-2, PSPTN iaitu “Menambah Baik Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran” menetapkan bahawa semakan kurikulum IPT sentiasa perlu dibuat agar kurikulum yang disediakan berkualiti tinggi dan dapat memenuhi aspirasi negara. Semakan dibuat dengan mengambil kira pandangan ahli-ahli akademik, pakar dari industri dan pihak swasta, pegawai kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) pada setiap dua hingga tiga tahun berdasarkan keperluan bidang pengajian. Bagi memastikan bidang pengajian mempunyai pengiktirafan antarabangsa, *benchmarking* dengan bidang yang sama di universiti terkemuka dunia juga dilaksanakan.

Keperluan mendapatkan pengiktirafan daripada badan profesional antarabangsa ke atas program-program pengajian yang ditawarkan juga turut ditekankan. Institusi pengajian tinggi awam (IPTA) digalakkan untuk memperolehi pengiktirafan dari badan/agensi pengiktirafan antarabangsa dalam usaha memastikan kualiti program pengajian yang ditawarkan oleh IPT tempatan

setanding dengan universiti-universiti antarabangsa. Antara program pengajian yang telah mendapat pengiktirafan antarabangsa umpamanya ialah:

- a) Bidang Kejuruteraan - *Board of Engineering Malaysia* (BEM) yang menerap dan menyetarakan kurikulum program kejuruteraan IPT di Malaysia setaraf dengan standard program antarabangsa seperti *Washington Accord* dan *Sydney Accord*.
- b) Bidang Perakaunan - *The Chartered Institute of Management Accountants* (CIMA) dan *The Association of Chartered Certified Accountants* (ACCA).

Sebagai usaha tambahan untuk mewujudkan pengajian tinggi yang berkualiti, Kementerian telah melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualification Framework*, MQF) sejak tahun 2007 lagi. Selaras dengan peranannya sebagai tempat rujukan kualiti pengajian tinggi, MQF memberikan penekanan kepada pendidikan berlandaskan hasil pembelajaran.

Selain daripada itu, Kementerian melalui Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) akan menyaring setiap program pengajian baru yang ingin ditawarkan oleh IPTA. Hanya program pengajian yang berkualiti dan berdaya maju sahaja akan diperakukan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah, Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) dan turut dianggotai oleh wakil daripada pelbagai agensi Kerajaan seperti Jabatan Perkhidmatan Awam bagi memastikan program pengajian yang dicadangkan memenuhi keperluan negara.

Njm02

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATO' JASPAL SINGH**
TARIKH : **7.10.2013**
SOALAN :

Dato' Jaspal Singh minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pelajar STPM dan matrikulasi yang memperolehi 4A atau CGPA 4.0 dan berapakah yang telah memohon untuk memasuki IPTA. Antaranya, berapakah tempat di IPTA yang telah ditawarkan dan juga bilangan pelajar yang mendapat 4A atau CGPA 4.0 yang tidak mendapat tawaran mengikut bangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada Sesi Akademik 2013/2014, seramai 3,584 orang pelajar lepasan STPM/Matrikulasi/Asasi telah mendapat PNGK 4.0. Kesemua calon tersebut telah mengemukakan permohonan kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) melalui Aplikasi Dalam Talian yang diuruskan oleh Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar, Jabatan Pengajian Tinggi (BPKP, JPT). Daripada jumlah tersebut 3,563 (99.4 peratus) orang pelajar telah ditawarkan tempat ke IPTA. Manakala, 21 (0.6 peratus) orang pelajar lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)/Matrikulasi/Asasi dengan PNGK 4.0 tidak dapat ditawarkan tempat di IPTA kerana tidak mengemukakan rayuan melalui sistem permohonan rayuan atas talian yang diuruskan oleh BPKP, JPT.

Njm03

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DR. LUCAS UMBUL**
TARIKH : **7.10.2013**
SOALAN :

Dr. Lucas Umbul minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha-usaha Kementerian dalam memperlengkapkan guru-guru agar mereka mempunyai minda yang terbuka dan bersiap siaga melaksanakan tanggungjawab dan amanah dalam membawa perubahan dan penambahbaikan terhadap sistem pendidikan negara termasuk yang berskala besar seperti penggubalan Pelan Pembangunan Pendidikan, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) sepertimana yang sedang giat dijalankan pada masa ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa menitikberatkan usaha memperlengkapkan guru agar mereka sentiasa berfikiran terbuka dan siap siaga melaksanakan tanggungjawab dan amanah sebagai agen perubahan ke arah menambahbaik sistem pendidikan negara. Justeru, kursus dan latihan secara berterusan dirancang dan dilaksanakan supaya kompetensi dan profesionalisme guru sentiasa dipertingkatkan seiring dengan tuntutan era globalisasi. Hal ini demikian kerana KPM berkeyakinan bahawa kualiti guru merupakan faktor terpenting dalam memastikan pendidikan berkualiti dapat diberikan kepada murid.

KPM pada masa kini masih meneruskan pelaksanaan kursus dan latihan kepada guru dalam perkhidmatan di bawah dasar sedia ada seperti Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dengan tujuan meningkatkan kompetensi guru serta memastikan matlamat yang disasarkan melalui pelaksanaan dasar tersebut dapat dicapai dengan jayanya. KPM turut memberikan fokus kepada pelaksanaan latihan berteraskan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) serta kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) kepada guru demi memperlengkapkan murid dengan kemahiran terkini yang diperlukan bagi mendepani cabaran abad ke-21.

Selain daripada itu, KPM turut melaksanakan program pembangunan profesionalisme berterusan (*Continuing Profesional Development – CPD*) melalui kursus dan latihan yang bersesuaian bagi meningkatkan kompetensi dan profesionalisme dalam kalangan semua guru meliputi aspek keilmuan dan pengetahuan; pengajaran dan pembelajaran; kepimpinan dan pengurusan; serta sahsiah guru. Oleh itu, KPM amat yakin bahawa melalui kursus dan latihan yang dilaksanakan secara konsisten dan berterusan ini, maka kualiti guru akan sentiasa berada di tahap yang terbaik dan seterusnya memastikan bahawa sistem pendidikan negara akan terus kekal berkualiti dan bertaraf dunia.

Njm04

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DR. LUCAS UMBUL**
TARIKH : **7.10.2013**
SOALAN :

Dr. Lucas Umbul minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha-usaha yang perlu diambil bagi memberi kefahaman yang lebih berkesan kepada kumpulan Dong Zong terhadap pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2015. Dengan usaha tersebut maka Dong Zong akan merasa selesa dan menyokong sepenuhnya PPPM ini bagi menjayakan sepenuhnya hasrat Kementerian menjadikan sekolah-sekolah di seluruh negara lebih cemerlang dalam pengimplementasian pelan pendidikan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengadakan perbincangan bersemuka dengan pertubuhan-pertubuhan Cina termasuk Dong Zong bagi menjelaskan agenda transformasi pendidikan dan isu-isu yang dibangkitkan oleh pertubuhan tersebut.

KPM juga telah mendengar dan mempertimbangkan setiap pandangan daripada semua pihak sebelum pelancaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 pada 6 September 2013. Semua cadangan yang terkandung dalam PPPM adalah selari dengan dasar dan perlembagaan Malaysia khususnya yang melibatkan sistem sekolah pelbagai aliran, memartabatkan bahasa Malaysia dan memperkukuh bahasa Inggeris,

Njm05

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AHAMAT @ AHAMAD BIN YUSOP
TARIKH : 7.10.2013
SOALAN :

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan keyakinan Kementerian bahawa Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) dilihat sebagai usaha terbaik Kerajaan dalam usaha menaik taraf sistem pendidikan negara ke suatu tahap yang lebih tinggi dan memastikan modal insan yang bakal dilahirkan adalah berkualiti serta berdaya saing, setanding dengan negara maju.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam menyediakan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mendapatkan pandangan seluruh masyarakat termasuk pakar pendidikan dari dalam dan luar negara serta mengadakan makmal pendidikan. Penendarasan dengan beberapa negara yang mempunyai sistem terbaik di dunia juga telah diadakan. Kesemua input ini memberi maklumat penting dalam pembentukan inisiatif bagi menjayakan transformasi pendidikan. Bagi memastikan pelaksanaan PPPM, KPM telah mewujudkan Unit Prestasi dan Penyampaian Pendidikan (PADU). Dengan usaha ini KPM amat yakin PPPM 2013-2025 dapat meningkatkan sistem pendidikan negara ke tahap yang lebih tinggi.

Njm06

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. TUAN SAIFULIZHAM BIN RAMLI**
TARIKH : **7.10.2013**
SOALAN :

Tuan Saifullzham bin Ramli minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik terkini kedudukan 10 universiti-universiti awam utama negara di peringkat asia dan dunia berbanding tahun-tahun sebelumnya, dan nyatakan apakah punca-punca berlakunya perubahan kedudukan atau 'ranking' tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penarafan ataupun 'ranking' terutamanya oleh Times Higher Education-QS World University Ranking (THE-QS) yang kemudian dikenali sebagai QS World University Ranking (QS WUR) pada tahun 2010 setelah kerjasama THE dan QS ditamatkan, kebiasaannya dijadikan kayu pengukur dalam mencerminkan pencapaian atau kehebatan sesebuah universiti. Walaupun terdapat perdebatan mengenai kriteria penilaian QS WUR, namun KPM melihat QS WUR daripada sudut yang positif, yang boleh mewujudkan persaingan sihat antara institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan dalam usaha memperkasakan IPT tempatan tempatan di peringkat antarabangsa.

Kedudukan IPT tempatan dalam QS WUR 2013/2014 ialah Universiti Malaysia (UM) berada di tangga ke-167, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) tangga ke-269, Universiti Sains Malaysia (USM) tangga ke-355, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) tangga ke-355, Universiti Putra Malaysia (UPM) tangga ke 411-420 dan UIAM ke 501-550.

Manakala kedudukan IPT tempatan dalam QS University Rankings: Asia 2013 pula, UM berada di tangga ke-33, UKM ke-57, USM ke-61, UTM ke-68, UPM ke-72, dan UIAM ke 151-160. Bagi kedudukan QS University Rankings: Asia 2012, UM berada di tangga ke-35, UKM ke-58, USM ke-63, UTM ke-74, UPM ke-76, dan UIAM ke 151-160. Berdasarkan QS University Rankings: Asia, jelas bahawa kedudukan IPTA telah meningkat pada tahun 2013 berbanding 2012 di mana UM naik dua anak tangga, UKM naik satu anak tangga, USM naik dua anak tangga,

UTM naik lima anak tangga, dan UPM naik empat anak tangga.

Untuk makluman, pencapaian turun naik *ranking* universiti terbaik dunia (QS WUR) ini adalah fenomena biasa dan bukan sahaja berlaku kepada IPT Negara kita sahaja, malah turut juga melibatkan universiti ternama yang berada di kedudukan 100 universiti terbaik. Sebagai contoh, University of Southampton yang turun dari kedudukan ke-73 pada tahun 2012 kepada kedudukan ke-86 padatahun 2013. Boston University turun dari kedudukan ke-64 kepada kedudukan ke-79, The University of Auckland turun dari 83 ke 94, University of Pittsburgh turun dari 98 ke 106, City University of Kong Kong turun dari 95 ke 104, dan Pohang University of Science and Technology (POSTECH) turun dari tangga ke-97 ke tangga ke-107.

Penurunan kedudukan ranking IPTA pada tahun 2013 juga dipengaruhi oleh penambahan panel penilai sebanyak 35 peratus dengan majoriti daripada mereka tidak mengenali universiti di Asia Pasifik. Dalam penilaian QS World University Ranking 2013, seramai 62,000 penilai terlibat berbanding 40,300 penilai pada tahun lepas. Peningkatan ini turut menyebabkan markah dalam pemberatan *Academic Survey* adalah rendah dan menyebabkan penurunan kedudukan ranking bagi universiti di rantau Asia Pasifik.

Kementerian sememangnya tidak mengetepikan pencapaian kedudukan IPT tempatan dalam *ranking* dunia. Namun demikian, aspek kualiti pengajian tinggi Negara tidak seharusnya tertumpu kepada sistem ranking seperti yang dijalankan oleh QS WUR semata-mata. Kesesuaian dan elemen tempatan juga harus diambil kira dalam merangka satu pendekatan yang lebih komprehensif dan kondusif kepada keperluan pembangunan Negara dan pada masa yang sama menepati amalan bijak antarabangsa.

Kementerian menerusi Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) sebenarnya telah melaksanakan Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi (SETARA) untuk mengukur pencapaian university dan kolej university dan Sistem Pengukuran Kualiti dan Kesetaraan Kolej Swasta (MyQUEST) untuk kolej-kolej swasta sedia ada. Domain serta kaedah yang digunakan dalam SETARA dan MyQUEST adalah bersesuaian dengan aplikasi dan persekitaran yang digunakan oleh IPT tempatan yang dinilai. Ini akan mewujudkan satu persaingan yang sihat antara IPT di Malaysia dan mampu mengenal pasti setiap kelemahan yang ada bagi diatasi.

Njm07

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' DR. FIRDAUS BIN HAJI ABDULLAH
TARIKH : 7.10.2013
SOALAN :

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kemajuan yang telah dicapai setakat ini dalam pelaksanaan “Pelan Tindakan Strategik Memartabatkan Bahasa Melayu di IPT” yang dilancarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi tahun 2011 yang lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu dilancarkan 27 Oktober 2011 dan masih relevan dilaksanakan di semua institusi pengajian tinggi (IPT). Objektif utama pelan ini dilaksanakan melalui inisiatif strategik iaitu mengukuhkan bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran, mengukuhkan Bahasa Melayu dalam penyelidikan dan penerbitan, meningkatkan pengiktirafan Akademia Bahasa Melayu dalam pelbagai disiplin ilmu dan meningkatkan pengantarabangsaan Bahasa Melayu.

Perwujudan pelan ini telah disambut baik oleh pihak institusi pengajian tinggi awam (IPTA) memandangkan ia memberikan nilai tambah dan pengiktirafan kepada Bahasa Melayu itu sendiri. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama IPTA telah merangka dan melaksanakan pelbagai langkah untuk memartabatkan bahasa Melayu di institusi pengajian tinggi (IPT). Manakala kemajuan yang telah dicapai ialah:

- a) Pelancaran 100 judul buku pelbagai bidang ilmu dalam bahasa Melayu terbitan IPTA sempena “Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan 2012”.
- b) Tokoh Akademik Bahasa Melayu.
- c) Kursus-kursus Wajib Universiti diajar dalam bahasa Melayu bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda.
- d) Penerbitan Modul Komunikasi Bahasa Melayu Antarabangsa yang digunakan oleh IPTS dan telah dilancarkan sempena “Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan 2012”.

- e) Universiti Kebangsaan Malaysia telah menghasilkan lebih kurang 300 artikel-artikel penyelidikan berbahasa Melayu dalam bidang Sains dan Teknologi dalam jurnal ISI.
- f) Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) mengantarabangsakan Bahasa Melayu dengan mengadakan Perjanjian Persefahaman dengan aktiviti bersama 18 buah universiti luar negara sejak 2009.
- g) Semua tesis peringkat sarjana dan ijazah kedoktoran ditulis dalam Bahasa Melayu dalam semua bidang melainkan mendapat pengecualian senat.

KPM turut menggalakkan setiap ahli akademik di setiap IPT untuk menyebarkan bahan akademik terutamanya dalam bahasa Melayu melalui pelbagai medium seperti penerbitan ilmiah secara perkongsian, berpasukan dan individu, penterjemahan dan sebagainya.

Njm08

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. TUAN CHANDRAMOHAN A/L
S. THAMBIRAJAH**
TARIKH : **7.10.2013**
SOALAN :

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan murid-murid yang telah melakukan kesalahan salah laku untuk tahun 2013 (sehingga Julai 2013) seperti yang didaftar di Sistem Salah laku Disiplin Murid

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu yang melibatkan disiplin murid secara keseluruhannya berada dalam situasi yang terkawal. Dalam tempoh antara Januari hingga Julai 2013, sebanyak 0.82 peratus murid telah terlibat dengan salah laku disiplin. Daripada jumlah tersebut, salah laku disiplin yang tertinggi direkodkan adalah merokok (16.17 peratus), Tidak Pentingkan Masa (15.39 peratus), Kekemasan Diri (15.31 peratus) dan salah laku berunsur jenayah (15.09 peratus). Selain daripada memberi amaran, murid-murid yang terlibat juga telah diberi kaunseling serta tindakan mengenakan hukuman yang setimpal dengan kesalahan mereka. Tindakan tersebut adalah bertujuan untuk memberi pengajaran kepada mereka.

Njm09

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AHAMAT @ AHAMAD BIN YUSOP

TARIKH : 7.10.2013

SOALAN :

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha Kementerian dalam penambahbaikan kurikulum dan sukatan mata pelajaran Pendidikan Islam pada peringkat rendah dan menengah dalam usaha membendung penyebaran gerakan Syiah di kalangan para pelajar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menghargai pandangan daripada pelbagai pihak tentang penambahbaikan Pendidikan Islam bagi membendung penyebaran gerakan Syiah di negara ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kurikulum Pendidikan Islam telah dibina bagi memenuhi keperluan memberi pendidikan Islam yang lengkap, menyeluruh dan bersepadu kepada murid-murid di sekolah yang mengandungi enam bidang pembelajaran iaitu al Quran, Hadis, Akidah, Feqah, Sirah dan Tamadun Islam serta Akhlak. Kefahaman dan tafsiran yang menepati Ahli Sunah Wal Jemaah telah dimasukkan ke dalam semua bidang tersebut terutamanya bidang akidah. Manakala di bidang feqah, murid diajar feqah mazhab al-Syafie. Kecintaan kepada Rasulullah saw dan sahabat-sahabat Baginda telah diterapkan dalam bidang sirah dan Tamadun Islam.

Pembinaan Kurikulum Pendidikan Islam, bahan sokongan kurikulum, bahan pengajaran dan pembelajaran digubal dengan merujuk kepada sumber rujukan yang sahih dan muktabar berdasarkan fahaman Ahli al Sunnah Wa al Jamaah (ASWJ) dan pendapat yang muktabar daripada mazhab Al-Syafie serta keputusan-keputusan yang diterima pakai daripada pihak berkuasa dalam urusan agama Islam di Malaysia. Hal ini telah ditegaskan melalui Pekeliling Iktisas Agama Islam Bil.1/1983 bertarikh 3 Januari 1986 yang masih berkuat kuasa sehingga sekarang.

Dalam konteks usaha membendung penyebaran gerakan Syiah dalam kalangan murid, KPM akan membuat penambahbaikan kepada kurikulum Pendidikan Islam dengan memasukkan tajuk-tajuk yang boleh menjadi benteng kepada murid daripada terpengaruh kepada ajaran Syiah. Antara tajuk yang akan dimasukkan ialah Mengenali Ahli Bait Rasulullah, Sejarah Perang Jamal dan Keadilan Para Sahabat Rasulullah. KPM juga akan memantapkan huraian terhadap tajuk Ahli Sunnah Wa al Jamaah.

Selain itu, KPM telah merancang untuk mempertingkatkan lagi profesionalisme Guru-Guru Pendidikan Islam melalui program-program bina upaya dan kursus-kursus khas bagi penambahbaikan kualiti pengajaran termasuklah juga bagi menghadapi cabaran isu-isu semasa seperti isu Syiah dan sebagainya.

Njm10

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATUK KADZIM M. YAHYA**
TARIKH : **7.10.2013**
SOALAN :

Datuk Kadzim M. Yahya minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) 12 Tahun yang dilancarkan baru-baru ini telah mengambil kira secara komprehensif terhadap mutu pendidikan di seluruh negara terutamanya di Sabah yang masih memerlukan perhatian yang serius daripada peringkat rendah hingga ke peringkat menengah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan penilaian terhadap sistem pendidikan negara sebagai input penting penyediaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Kajian ini telah mengumpul semua data pencapaian semasa di KPM, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Negeri (PPD) dan sekolah. Kajian mendalam telah juga dilaksanakan di negeri Sabah, Johor, Selangor dan Terengganu. Sebagai tambahan enam (6) institut pengajian tinggi awam (IPTA) telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan penyelidikan dalam bidang-bidang seperti sumber manusia, infrastruktur, pengajaran dan pembelajaran, dasar pendidikan serta kurikulum. KPM yakin semua aspek telah diambil kira dalam penyediaan PPPM 2013-2025.

Njm11

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. TAN SRI DR. KOH TSU KOON**
TARIKH : **7.10.2013**
SOALAN :

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah sebabnya beberapa ribu graduan IPTS UNITAR (kini dikenali UNIRAZAK) dengan kelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan masih belum dilantik dan diserap sebagai guru-guru terlatih di sekolah-sekolah, dan apakah langkah Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Secara amnya, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak mengamalkan penempatan dan perlantikan graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) untuk diserap sebagai guru-guru terlatih di sekolah-sekolah kerajaan. Pihak pengusaha IPTS juga telah diarahkan untuk memaklumkan kepada pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan di IPTS masing-masing bahawa amalan ini adalah diteruskan.

Pada masa ini, KPM memberi keutamaan kepada graduan tajaan KPM keluaran institut pengajian tinggi awam (IPTA) dan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) di mana bilangannya telah diunjurkan lebih awal untuk pengisian perjawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41 yang terhad.

Njm12

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' BOON SOM A/L INONG

TARIKH : 7.10.2013

SOALAN :

Dato' Boon Som a/l Inong minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kerajaan melakukan kajian terbaru untuk mengenal pasti tahap minat membaca dalam kalangan rakyat Malaysia. Adakah kewujudan media sosial memberi kesan terhadap minat membaca dalam kalangan rakyat, terutama generasi muda. Apakah rancangan Kerajaan bagi meningkatkan tabiat membaca supaya rakyat lebih berpengetahuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Jawatankuasa Induk Gerakan Tabiat Membaca memberi perhatian berat kepada minat membaca dalam kalangan warga pendidikan. Jawatankuasa tersebut bertanggungjawab merancang, memantau dan menilai program-program gerakan membaca yang dijalankan oleh semua institusi KPM.

Pada masa ini KPM telah melaksanakan program NILAM di semua sekolah. Hasil daripada kutipan data program NILAM, yang dikumpul pada tahun 2013, purata kadar pembacaan murid adalah 17 buah buku setahun bagi sekolah rendah dan 7 buah buku setahun bagi sekolah menengah. KPM juga akan melaksanakan kajian terbaru untuk mengenal pasti tahap minat membaca dalam kalangan guru dan murid.

Njm13

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' LIM NGET YOON
TARIKH : 7.10.2013
SOALAN :

Dato' Lim Nget Yoon minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bahawa kedudukan universiti-universiti tempatan telah turun dalam ranking dunia. Apakah langkah-langkah dicadang oleh Kementerian untuk mendapat kedudukan atau ranking yang lebih baik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedudukan institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan dalam QS World University Ranking (QS WUR) pada tahun 2013/2014 ialah Universiti Malaysia (UM) berada di tangga ke-167, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) tangga ke-269, Universiti Sains Malaysia (USM) tangga ke-355, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) tangga ke-355, Universiti Putra Malaysia (UPM) tangga ke 411- 420 dan UIAM ke 501-550. Dalam QS WUR 2012/2013, UM berada di tangga ke-156, UKM ke-261, USM ke-326, UTM ke-358, UPM ke-360, dan UIAM ke 401-450.

Manakala kedudukan IPT tempatan dalam QS University Rankings: Asia 2013 pula, UM berada di tangga ke-33, UKM ke-57, USM ke-61, UTM ke-68, UPM ke-72, dan UIAM ke 151-160. Bagi kedudukan QS University Rankings: Asia 2012, UM berada di tangga ke-35, UKM ke-58, USM ke-63, UTM ke-74, UPM ke-76, dan UIAM ke 151-160. Berdasarkan QS University Rankings: Asia, jelas bahawa kedudukan IPT tempatan telah meningkat pada tahun 2013 berbanding 2012 di mana UM naik dua anak tangga, UKM naik satu anak tangga, USM naik dua anak tangga, UTM naik lima anak tangga, dan UPM naik empat anak tangga.

Pencapaian turun naik ranking universiti terbaik dunia (QS WUR) ini adalah fenomena dan bukan sahaja berlaku kepada IPT negara kita sahaja, malah turut juga melibatkan universiti ternama yang berada di kedudukan 100 universiti terbaik. Sebagai contoh, University of Southampton yang turun dari kedudukan ke-73 pada tahun 2012 kepada kedudukan ke-86 pada tahun 2013. Boston

University turun dari kedudukan ke-64 kepada kedudukan ke-79, The University of Auckland turun dari 83 ke 94, University of Pittsburgh turun dari 98 ke 106, City University of Kong Kong turun dari 95 ke 104, dan Pohang University of Science and Technology (POSTECH) turun dari tangga ke-97 ke tangga ke-107.

Sungguhpun demikian, Kementerian sentiasa berusaha bagi meningkatkan prestasi IPT tempatan di samping meningkatkan kedudukan dalam ranking dunia. Antara usaha yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian ialah:-

- a) memastikan universiti penyelidikan (RU) mempercepatkan nisbah enrolmen pelajar ijazah tinggi kepada 50% daripada keseluruhan enrolmen;
- b) memastikan IPTA mengamalkan pemberat yang lebih tinggi terhadap penerbitan berimpak tinggi (*high impact journals*) bagi tujuan kenaikan pangkat; meningkatkan jaringan dan penerbitan bersama dengan individu yang mempunyai pengiktirafan antarabangsa;
- c) meningkatkan strategi pemasaran yang lebih bersasarkan peningkatan "branding" dan "word-of-mouth";
- d) kualiti penerbitan jurnal oleh IPT tempatan dipertingkatkan supaya memperoleh pengiktirafan antarabangsa;
- e) menubuhkan Pusat Sitasi Negara yang bertujuan untuk menjadi pusat pengumpulan dan pangkalan data bagi penerbitan jurnal dalam negara;
- f) memantapkan pengurusan dan tadbir urus IPTA;
- g) memberi lebih autonomi/penurunan kuasa kepada universiti;
- h) membangunkan KPI pengurusan tertinggi universiti;
- i) melaksanakan Academic Performance Audit (APA) dan audit kemudahan pengajaran dan pembelajaran;
- j) melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualification Framework, MQF); dan
- k) mempertingkatkan bilangan pensyarah berkelayakan PhD dan pengambilan pelajar pasca siswazah dan pasca doktoral.

Usaha-usaha lain yang telah diambil adalah memperkukuhkan asas atau fundamental seperti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, jaringan kolaborasi, penerbitan serta pengurusan IPT masing-masing supaya dapat bersaing di peringkat global dan melonjakkan kedudukan IPT tempatan di peringkat antarabangsa.

Kementerian ini amat komited untuk menaikkan taraf dan kualiti institusi pengajian tinggi di negara ini. Selain melihat ukuran melalui penarafan yang dibuat oleh badan luar, Kementerian menerusi Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) sebenarnya telah melaksanakan Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi (SETARA) untuk mengukur pencapaian universiti dan kolej universiti dan Sistem Pengukuran Kualiti dan Kesetaraan Kolej Swasta (MyQUEST) untuk kolej-kolej swasta sedia ada. Domain serta kaedah yang digunakan dalam SETARA dan MyQUEST adalah bersesuaian dengan aplikasi

dan persekitaran yang digunakan oleh IPT tempatan yang dinilai. Ini akan mewujudkan satu persaingan yang sihat antara IPT di Malaysia dan mampu mengenalpasti setiap kelemahan yang ada bagi diatasi.

Njm14

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK CHIN SU PING
TARIKH : 7.10.2013
SOALAN :

Datuk Chin Su Ping minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang mewujudkan satu insentif bagi bahan bacaan dan peralatan pembelajaran Bahasa Inggeris supaya ianya akan lebih murah sekali gus dapat membantu para pelajar kita dalam meningkatkan kemahiran berbahasa Inggeris.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Majlis Buku Kebangsaan Malaysia dengan kerjasama Persatuan Industri Buku menyediakan platform bagi mendapatkan bahan bacaan dan peralatan pembelajaran bahasa Inggeris pada kadar yang berpatutan semasa berlangsungnya Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur pada bulan April setiap tahun selama 10 hari. Bahan bacaan dan peralatan pembelajaran Bahasa Inggeris ini boleh diperolehi daripada penerbit dari dalam dan luar negara.

Njm15

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATO' BOON SOM A/L INONG**
TARIKH : **8.10.2013**
SOALAN :

Dato' Boon Som a/l Inong minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah mekanisme yang digunakan oleh Kementerian untuk memantau pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, serta sejauh manakah keberkesanan pelaksanaannya sejak Laporan Awal pelan berkenaan dilancarkan pada 11 September 2012 yang lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menubuhkan Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU) untuk memantau dan memastikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dilaksanakan dengan berkesan. Penubuhan PADU adalah hasil penggabungan Pejabat Pengurusan Projek (PMO) dan Pejabat Pengurusan Pelaksanaan (DMO) di bawah sektor pelajaran, yang bertanggungjawab menggerak dan memacu pelaksanaan inisiatif PPPM termasuk NKRA Pendidikan.

Sejak pelancaran Laporan Akhir PPPM (2013-2025) pada 11 September 2012, Kementerian telah mengumumkan kejayaan 6 inisiatif dalam tempoh 100 hari iaitu:

- a) Penubuhan PADU.
- b) 61,000 guru Bahasa Inggeris telah menduduki ujian kefasihan bahasa Inggeris *Cambridge Placement Test*.
- c) Melaksanakan Pelan Transformasi Daerah dengan permulaan di dua negeri Kedah dan Sabah.
- d) Melancarkan Sarana Ibu bapa pada 24 Feb 2013.
- e) Melancarkan video e-guru.

Selain itu, KPM telah melaksanakan penilaian pertengahan tahun PPPM 2013-2025 pada 2 Julai 2013 di samping terus menggerakkan 100 inisiatif PPPM

dengan memberi perhatian kepada 25 inisiatif utama yang perlu dilaksanakan dalam Gelombang Pertama (2013-2015).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PADU juga akan berkerjasama dengan Pejabat Pengurusan Program (PMO) di sektor pengajian tinggi untuk memantau dan menyelaras pelaksanaan Projek Agenda Kritikal Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), serta pihak-pihak berkepentingan seperti PEMANDU bagi memastikan transformasi pendidikan negara yang dirancang berjaya dicapai mengikut tempoh yang ditetapkan.

Njm16

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' DR. FIRDAUS BIN HAJI ABDULLAH
TARIKH : 8.10.2013
SOALAN :

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan penemuan atau hasil usaha Dewan Bahasa dan Pustaka dalam melaksanakan program "Audit Bahasa". Mohon dimaklumkan Jabatan atau Kementerian mana yang paling patuh dan taat melaksana dan memartabatkan Bahasa Kebangsaan dan Jabatan/Kementerian mana yang paling ingkar. Apakah langkah-langkah lanjutan daripada program itu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Audit Bahasa Melayu ialah penilaian tentang tahap penggunaan dan mutu bahasa Melayu yang digunakan bagi maksud rasmi. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah melaksanakan Audit Bahasa Melayu terhadap lima (5) jabatan/kementerian, iaitu DBP pada 16 Julai hingga 21 September 2012, Jabatan Perkhidmatan Awam pada 22 hingga 26 April 2013, Kementerian Pendidikan Malaysia pada 23 hingga 26 Julai 2013, Kementerian Kewangan Malaysia pada 29 Julai hingga 2 Ogos 2013, dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 23 hingga 27 September 2013.

Semua jabatan/kementerian yang telah diaudit mematuhi Dasar Bahasa Kebangsaan. Jabatan/kementerian tersebut mempunyai tahap penggunaan bahasa Melayu yang sangat baik (95% - 100%) dan mutu bahasa Melayu yang digunakan adalah baik (84% - 90%). Audit telah dijalankan pada urusan rasmi dalam negara dan antarabangsa (surat, dokumen perjanjian, urusan mesyuarat, dan penganjuran majlis rasmi), pengiklanan kekosongan jawatan, perkhidmatan kaunter, maklum balas aduan dalam akhbar dan isu media massa, dan paparan dan peragaan.

Antara langkah-langkah lanjutan daripada audit bahasa Melayu termasuklah mengadakan kursus penataran bahasa kepada semua peringkat penjawat awam, mewujudkan pegawai perujuk bahasa di setiap jabatan/kementerian, dan melaksanakan audit bahasa Melayu peringkat dalaman secara berkala dengan penyeliaan DBP.

Njm17

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATO' SYED IBRAHIM BIN KADER**
TARIKH : **8.10.2013**
SOALAN :

Dato' Syed Ibrahim bin Kader minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) telah dibentangkan dan pelan ini adalah sehingga ke tahun 2025. Apakah sehingga ke tahun 2025 tidak akan ada sebarang perubahan dalam dasar pendidikan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) akan dilaksanakan dalam tiga gelombang. Gelombang 1 (2013-2015), Gelombang 2 (2016-2020) dan Gelombang 3 (2021-2025). Kementerian akan mengadakan semakan terhadap PPPM pada setiap akhir gelombang untuk menilai kerelevanan dasar sedia ada dengan keadaan semasa.

Njm18

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATUK CHIN SU PHIN**
TARIKH : **8.10.2013**
SOALAN :

Datuk Chin Su Phin minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha yang dilakukan Kementerian dalam menggalakkan IPTA dan IPTS menyediakan “kursus sambilan” yang lebih banyak dengan pelbagai agar semua rakyat berpeluang untuk meningkatkan pengetahuan dan kebolehan mereka pada tahap yang lebih tinggi

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan pelbagai usaha untuk mencapai agenda pendidikan yang dirancang di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP). Salah satu usaha KPM dalam menyediakan peluang pendidikan yang lebih luas serta meningkatkan keupayaan modal insan negara adalah melalui program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha mencapai matlamat membudayakan pembelajaran sepanjang hayat, Kementerian membenarkan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) bertaraf kolej menyediakan kursus sambilan atau dikenali sebagai program jangka pendek. IPTS tersebut dibenarkan menawar dua (2) jenis penawaran program jangka pendek iaitu penawaran program jangka pendek yang kursusnya diambil daripada program sedia ada dan penawaran program jangka pendek kurikulum sendiri. IPTS akan menganugerahkan sijil kehadiran atau sijil kemahiran setelah tamat pengajian. Sijil kehadiran/kemahiran yang dianugerahkan tidak boleh dijadikan sebagai satu kelayakan untuk melayakkan pelajar mendapat pemindahan jam kredit atau dijadikan sebagai kelayakan masuk untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi tanpa mematuhi dasar yang telah ditetapkan oleh Majlis Pendidikan Tinggi Negara (MPTN)

Selain itu, institusi pengajian tinggi awam (IPTA) juga menawarkan program PSH melalui program pengembangan, eksekutif, separuh masa dan jarak jauh adalah Universiti Malaya (Pusat Pendidikan Berterusan), Universiti Sains Malaysia (Sekolah Pendidikan Jarak Jauh), Universiti Kebangsaan Malaysia (Pusat Perkembangan Pendidikan), Universiti Putra Malaysia (Pusat Pendidikan Luar), Universiti Teknologi Malaysia (Sekolah Pendidikan Profesional dan Pendidikan Berterusan), Universiti Utara Malaysia (Bahagian Pendidikan Jarak Jauh) dan Universiti Teknologi MARA (Institut Perkembangan Pendidikan). Kerajaan juga telah meluluskan operasi institut pengajian PSH bersifat antarabangsa melalui penubuhan Asia e-University dan Madinah International University (MIDEU).

Manakala, institusi pengajian tinggi utama yang menyediakan peluang untuk PSH ialah Universiti Terbuka Malaysia (OUM) dan peranan OUM diperengkap oleh Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR) dan Universiti Terbuka Wawasan (WOU). Berdasarkan prasarana yang sedia ada, jaringan kerjasama yang telah terjalin, promosi dan kemudahan pengajaran serta pembelajaran yang diterajui oleh IPTS, maka IPTS tersebut berupaya untuk menjana dan mempertingkatkan bilangan enrolmen pelajar PSH menjelang tahun 2020.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM juga telah menerbitkan Direktori Pembelajaran Sepanjang Hayat Peringkat Nasional 2012/2013, yang merupakan himpunan program PSH yang telah dan akan dilaksanakan sepanjang tahun 2012/2013. Direktori ini menyenaraikan program yang ditawarkan oleh 15 Kementerian dan pelbagai agensi di bawahnya yang menjalankan program PSH untuk pelbagai peringkat dan tahap pengajian. Agensi di bawah KPM yang terlibat dalam menawarkan peluang pembelajaran sepanjang hayat termasuklah institusi pengajian tinggi awam, politeknik, kolej komuniti, agensi kerajaan dan institusi pendidikan jarak jauh.

Njm19

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN SYED SHAHIR BIN SYED MOHAMUD
TARIKH : 8.10.2013
SOALAN :

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha yang dibuat untuk menyediakan sekolah yang khusus dengan guru yang terlatih untuk kanak-kanak istimewa dan anak kelainan upaya di mana mereka ini benar-benar memerlukannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memandang serius keperluan murid berkeperluan khas. Sehubungan itu, perancangan KPM melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 tidak meminggirkan murid berkeperluan khas dari arus perdana pendidikan negara. Dalam bab 4 hingga 16, PPPM (2013-2025) telah menyatakan bahawa pendidikan bagi murid berkeperluan khas dilaksanakan melalui tiga (3) opsyen persekolahan iaitu:

- a) Sekolah pendidikan khas: Sekolah khas dengan semua murid diklasifikasikan sebagai kurang upaya (seperti sekolah untuk masalah penglihatan atau murid kurang upaya yang lain);
- b) Program Integrasi Pendidikan Khas (PPKI): Sekolah arus perdana yang mempunyai kelas khusus untuk murid berkeperluan khas; dan
- c) Program pendidikan inklusif: Sekolah arus perdana yang mengintegrasikan satu hingga lima murid berkeperluan khas dalam kelas arus perdana.

Sehingga kini terdapat 33 buah sekolah pendidikan khas, 2043 sekolah arus perdana yang melaksanakan Program Pendidikan Khas Integrasi dan 939 buah sekolah yang mengamalkan Pendidikan Inklusif di seluruh negara (data Jun 2012). Daripada 33 buah sekolah pendidikan khas tersebut, tiga (3) buah

daripadanya ialah sekolah menengah vokasional yang sedang beroperasi dan sebuah lagi masih dalam pembinaan bagi murid berkeperluan khas yang memilih untuk mengikuti aliran vokasional.

Manakala guru-guru yang terlibat dalam Pendidikan Khas KPM menerima latihan di lima (5) buah Institut Pendidikan Guru (IPG) dan di beberapa buah institusi pengajian tinggi awam di seluruh negara. Guru-guru ini akan diberikan latihan dalam perkhidmatan sepanjang tempoh perkhidmatan mereka bagi meningkatkan kemahiran profesionalisme dalam bidang masing-masing.

Njm20

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' DR. JOHARI BIN MAT
TARIKH : 8.10.2013
SOALAN :

Dato' Dr. Johari bin Mat minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pelajar di IPTA dan IPTS mengikut negeri di Malaysia dan rancangan Kementerian dan adakah peluang mereka tidak akan terjejas dengan rancangan Kerajaan untuk menarik pelajar antarabangsa sehingga 200,000 menjelang 2020 dan apakah jaminan Kementerian bahawa pelajar antarabangsa tidak akan membawa gejala sosial dan jenayah di negara kita

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2012, jumlah keseluruhan pelajar di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) adalah seramai 521,793 orang dan 454,616 orang di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS).

Berhubung dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat mengenai rancangan Kementerian, sememangnya berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi serantau dan antarabangsa. Teras kelima, Pelan Strategik Tinggi Negara iaitu "Mempergiat Pengantarabangsaan", menyokong agenda untuk menjadikan Malaysia sebagai hab pengajian tinggi bagi mencapai sasaran 150,000 pelajar antarabangsa pada tahun 2015 dan 200,000 pelajar antarabangsa menjelang tahun 2020.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah bekerjasama dengan agensi kawal selia seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) memantau kemasukan pelajar antarabangsa di IPTS bagi memastikan pelajar-pelajar antarabangsa yang mengikuti pengajian di IPTS tidak menyalahgunakan pas pelajar dan terlibat dengan kes-kes sosial. Sehubungan dengan itu, KPM bekerjasama dengan JIM membuat saringan kemasukan pelajar antarabangsa dan mewajibkan setiap permohonan visa pelajar di IPT tempatan yang dikeluarkan oleh JIM perlu melalui tapisan oleh Sektor Pengajian Tinggi (SPT), KPM sebagai agensi kawal selia.

Bagi memastikan pelajar antarabangsa ke IPT negara ini adalah tulin atau dengan izin *genuine*, dokumen-dokumen berikut diperlukan oleh Sektor Pengajian Tinggi (SPT) untuk saringan iaitu:

- a) Memenuhi syarat kelayakan masuk seperti yang termaktub di dalam surat kelulusan kursus;
- b) Pelajar lulus pemeriksaan kesihatan dan memiliki polisi perlindungan insurans;
- c) Mengemukakan surat *Non Objection Certificate* (NOC) oleh badan kawal selia pendidikan negara masing-masing sebagai syarat tambahan kepada pelajar dari negara-negara sub-sahara; dan
- d) Kursus yang ditawarkan oleh adalah kursus yang telah mendapat akreditasi daripada MQA.

Saringan ini bertujuan untuk membuat tapisan kesahihan dokumen-dokumen berkenaan. JIM akan mengeluarkan pas pelajar setelah permohonan tersebut mendapat perakuan daripada SPT serta pelajar tersebut didapati bebas daripada sebarang rekod jenayah.

SPT adalah ahli mesyuarat jawatankuasa agensi kawal selia dan pemantauan pelajar antarabangsa yang dipengerusikan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan diadakan secara berkala. Jawatankuasa ini dihadiri oleh SPT, Kementerian Pelancongan, Kementerian Sumber Manusia, JIM, (PDRM dan KDN).

Njm21

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AHAMAT @ AHAMAD BIN YUSOP
TARIKH : 8.10.2013
SOALAN :

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian yakin Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) mampu menjadikan Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan menjadi pilihan utama ibu bapa dari semua latar belakang kaum.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yakin Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 mampu menjadikan Sekolah Menengah Kebangsaan dan Sekolah Kebangsaan sebagai sekolah pilihan melalui usaha-usaha berikut:

- a) Prestasi sekolah ditingkatkan melalui Pelan Transformasi Daerah (PTD). Melalui PTD, KPM menasarkan tiada lagi sekolah Band 6 dan Band 7 menjelang 2020;
- b) Kualiti guru ditingkatkan melalui transformasi Institut Pendidikan Guru (IPG), *Continuos Profesional Development* dan penambahbaikan laluan kerjaya guru;
- c) Pengajaran bahasa tambahan seperti bahasa antarabangsa di Sekolah Kurang Murid dan Sekolah Kebangsaan digalakkan dalam gelombang ketiga dengan memastikan bekalan guru berkelayakan yang mencukupi; dan
- d) Mentransformasi Institut Pendidikan Guru (IPG) agar dapat menyediakan bakal guru yang siap siaga.

KPM berkeyakinan usaha-usaha yang telah digariskan dalam PPPM (2013-2025) dapat meningkatkan kepercayaan ibu bapa untuk memilih sekolah aliran

kebangsaan di samping membawa sistem pendidikan negara ke tahap yang lebih tinggi.

Njm22

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. TUAN SAIFULIZHAM BIN RAMLI**
TARIKH : **8.10.2013**
SOALAN :

Tuan Saifullzham bin Ramli minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah terkini sekolah-sekolah yang ditakrifkan sebagai sekolah "cluster" atau berprestasi tinggi di peringkat rendah dan menengah serta mengikut negeri, dan kriteria-kriteria yang diguna pakai untuk sekolah-sekolah ini dipilih dan diberikan penakrifan sebegitu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Calon untuk pengiktirafan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) adalah terdiri daripada semua sekolah rendah dan menengah kerajaan dan bantuan kerajaan yang berada dalam *Band* Satu (1) tanpa mengira jenis dan lokasi sekolah. Bagi Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) pula, sekolah berkenaan merupakan sekolah yang cemerlang dalam kelompoknya di mana pemilihan dan pengiktirafannya mengambil kira tentang lokasi, jenis dan tahap sekolah. Bagi sekolah Tahap A, pencapaian sekolah berada pada peringkat antarabangsa. Manakala Tahap B pencapaian pada peringkat kebangsaan dan Tahap C pencapaian pada peringkat negeri dan berpotensi ke peringkat kebangsaan.

Sehingga kini terdapat 115 buah sekolah yang telah diiktiraf sebagai SBT. Manakala bilangan SKK adalah sebanyak 187 buah sekolah iaitu 68 sekolah rendah dan 119 sekolah menengah.

Njm23

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATO' JASPAL SINGH**
TARIKH : **8.10.2013**
SOALAN :

Dato' Jaspal Singh minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tentang kemerosotan kedudukan (ranking) IPTA-IPTA yang terdapat di Malaysia dalam ranking dunia yang baru-baru telah diterbitkan oleh QS World University Rankings. Apakah tindakan yang dicadangkan oleh Kementerian untuk IPTA-IPTA tempatan menaiki taraf dan prestasi supaya kedudukan IPTA-IPTA ini dapat ditingkatkan di masa depan

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian kepada soal *ranking* universiti dalam negara bagi melihat sekiranya hal ini dapat dibantu bagi memperbaiki kedudukannya dalam senarai *ranking* universiti terbaik dunia. Kedudukan naik turun dalam senarai ranking adalah perkara yang biasa berlaku dan kedudukan sesebuah universiti tidak seharusnya dilihat dalam satu-satu masa tertentu sahaja, sebaliknya perlu dilihat dalam satu tempoh jangka masa sederhana dan panjang.

Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kementerian dalam memperbaiki dan memperkukuhkan ranking institusi pengajian tinggi (IPT) antaranya dengan memperkukuhkan asas (*fundamental*) seperti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, jaringan kolaborasi, penerbitan serta pengurusan IPT masing-masing untuk bersaing di peringkat global dan mempertingkatkan kedudukan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara program yang telah dilaksanakan bagi melonjakkan ranking IPT adalah seperti :

- a) Pengiktirafan Universiti Sains Malaysia (USM) sebagai universiti bertaraf APEX (*Accelerated Programme for Excellence*) ke arah universiti terbaik dunia. Ini adalah selaras dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara yang menetapkan sasaran supaya menjelang tahun 2020 tiga (3) IPT tempatan berada dalam kedudukan 100 universiti terbaik dunia iaitu satu daripadanya antara 50 yang terbaik;
- b) Pengiktirafan Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sebagai Universiti Penyelidikan. Dengan pengiktirafan ini, kelima-lima IPTA tersebut akan mempergiatkan lagi aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta inovasi;
- c) Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun 2010 telah mengiktiraf enam (6) pusat kecemerlangan di IPTA sebagai Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HICoE) untuk melaksanakan kolaborasi penyelidikan dan kepakaran serta menghasilkan penerbitan berimpak tinggi bagi melonjakkan pencapaian masing-masing di peringkat antarabangsa.
- d) Satu pelan khusus tentang bagaimana pelaksanaan pemberian autonomi kepada IPTA dari aspek kewangan dan lain-lain bertujuan untuk memaksimumkan penggunaan sumber-sumber yang diperolehi oleh IPTA bagi meningkatkan kedudukan universiti untuk jangka panjang sedang disediakan.
- e) Di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMKe-10), Sektor Pengajian Tinggi (SPT) KPM telah diperuntukan dana penyelidikan bagi tahun 2011 hingga 2013 sebanyak RM1 billion untuk menjalankan penyelidikan fundamental kepada kakitangan akademik di IPTA dan institut pengajian tinggi swasta (IPTS) tempatan. Peruntukan ini adalah bagi melaksanakan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) di bawah Teras 3 memperteguh Penyelidikan dan Inovasi. Dana Penyelidikan ini disediakan untuk menghasilkan *mass critical* (penyelidik utama) dan penghasilan modal insan berpengetahuan tinggi (Graduan PhD dan Master) di bawah dana penyelidikan fundamental KPM. Untuk 2011 hingga 2012, sebanyak 3,876 penyelidik utama telah menjalankan penyelidikan dan setiap projek penyelidikan melibatkan tiga (3) hingga empat (4) penyelidik bersama menjadikan *mass critical* yang menjalankan penyelidikan daripada dana penyelidikan fundamental KPM seramai 11,000 hingga 15,000 penyelidik. Manakala penghasilan modal insan dari dana penyelidikan fundamental sehingga Februari 2013 adalah sebanyak 1,422 pelajar PhD dan sebanyak 2,155 pelajar Master.

- f) Penarafan bintang IPT Tempatan termasuk IPTA dan IPTS dijalankan setiap tahun berdasarkan penilaian MyRA®. Kementerian mengalakkan IPT tempatan menilai pencapaian dan mengambil usaha-usaha melonjakkan kedudukan atau ranking mereka berdasarkan pencapaian dalam penilaian MyRA®. Ia dapat membantu IPT tempatan dalam mengenal pasti aspek yang perlu diberi perhatian dan diperbaiki.

Njm24

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI MUHAMAD YUSOF BIN HUSIN
TARIKH : 8.10.2013
SOALAN :

Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah pelajar yang pulang ke Malaysia bersabit pergolakan di Mesir dan jumlah pelajar yang masih berada di sana. Bagaimanakah penyelesaian masalah peperiksaan pelajar yang pulang ke Malaysia itu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Malaysia telah melaksanakan evakuasi pelajar secara sukarela mulai 21 Ogos 2013 dan membawa pulang seramai 2,791 orang pelajar. Selebihnya telah pulang bercuti di Malaysia sebelum Ops Piramid II dijalankan. Masih terdapat seramai 583 orang pelajar yang tidak pulang atas sebab-sebab tertentu seperti akademik dan peribadi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil perundingan delegasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan pihak universiti dan Kementerian Pengajian Tinggi Mesir, telah bersetuju untuk sesi pengajian baru bermula pada 19 Oktober 2013 bagi universiti-universiti di Mesir. Ini tertakluk sekiranya keadaan di Mesir berada dalam keadaan stabil dan kondusif untuk pelajar Malaysia meneruskan pengajian di sana. Selain daripada itu, pihak Universiti Kaherah juga telah bersetuju untuk mengadakan peperiksaan ulangan yang melibatkan 121 orang pelajar di Universiti Putra Malaysia pada 10 hingga 16 September 2013. Manakala universiti-universiti lain telah melaksanakan peperiksaan pada minggu keempat bulan September 2013. Manakala universiti-universiti lain telah bersetuju untuk melaksanakan peperiksaan ulangan di universiti masing-masing di Mesir pada minggu keempat bulan September 2013.

Pihak Kerajaan menerusi KPM juga menyediakan alternatif kepada pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pengajian di institut pengajian tinggi di Malaysia

tetapi tidak menghalang pelajar-pelajar yang memilih untuk melanjutkan pengajian mereka ke Mesir.

Njm25

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN SYED SHAHIR BIN SYED MOHAMUD
TARIKH : 8.10.2013
SOALAN :

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah kejayaan program Edu Web TV yang telah diperkenalkan dalam memberikan pendidikan kepada murid-murid dan setakat ini berapakah wang yang telah dibelanjakan dalam menguruskannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

EduwebTV dimulakan pada 1 Mac 2008 iaitu selama 2 tahun di bawah pengurusan pihak swasta. Kontrak dilanjutkan selama satu (1) tahun dari 1 Mac 2010 sehingga 28 Februari 2011. EduwebTV mula diuruskan oleh Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP), Kementerian Pendidikan Malaysia bermula 1 Mac 2011 hingga kini.

Jumlah bayaran pengurusan EduwebTV dari 1 Mac 2011 hingga kini adalah seperti di bawah termasuk bantuan teknikal:

- a) Memperbaharui domain EduwebTV iaitu sebanyak RM105.65.
- b) Perkhidmatan konfigurasi semula dan aplikasi EduwebTV di pusat data adalah sebanyak RM29,790.00.
- c) Melakukan kerja merungkai dan memasang peralatan EduwebTV ke bilik *server* Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri adalah sebanyak RM22,248.00.

Bahan Terbitan EduwebTV bagi Tahun 2012 pula adalah seperti berikut:

- a) 132 rancangan dasar MBMMBI.
- b) 25 rancangan khas *multiple camera production* (MCP) dan klip video.
- c) 50 liputan.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, bahan terbitan bagi Tahun 2013 adalah seperti berikut:

- a) 80 rancangan kurikulum.
- b) 80 video pembekalan terbitan luar negara.
- c) 40 rancangan peristiwa pendidikan.
- d) 5 rakaman program Kementerian Pendidikan Malaysia dalam bentuk MCP.
- e) 10 penerbitan klip video.

Bilangan rancangan yang ada di EduWebTV adalah sebanyak **4,135** yang meliputi perkara berikut:

- a) Video Kurikulum iaitu sebanyak **1,095** rancangan pengajaran dan pembelajaran.
- b) Video Dokumentasi dan Video Rancangan Khas iaitu sebanyak **2,040**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah *hits* EduwebTV ialah sehingga dari 1 Mac 2008 hingga kini adalah sebanyak **616,611,337**.

Njm26

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK SUBRAMANIAM A/L
VERUTHASALAM

TARIKH : 9.10.2013

SOALAN :

Datuk Subramaniam a/l Veruthasalam minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah kriteria yang digunakan dalam pemberian pinjaman PTPTN dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan ketelusan dalam pemberian pinjaman tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) ditubuhkan pada tahun 1997 bertujuan meningkatkan akses kepada pengajian tinggi bagi memastikan penyediaan sumber manusia yang mencukupi untuk menampung pertumbuhan ekonomi negara selari dengan wawasan Kerajaan untuk menjadi negara maju menjelang 2020. Pemberian pembiayaan pendidikan PTPTN kepada pelajar berdasarkan kriteria atau syarat-syarat seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak melebihi 45 tahun pada tarikh permohonan;
- c) Mendapat tawaran ke IPTA/IPTS dan Politeknik dengan memenuhi syarat kelayakan masuk yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA);
- d) Kursus yang diikuti oleh pelajar IPTA/IPTS dan Politeknik mestilah mendapat kelulusan pendaftaran daripada KPM;
- e) Bagi pelajar-pelajar IPTS, kursus yang diikuti mestilah mendapat Sijil Perakuan Akreditasi daripada MQA dan belum tamat tempoh sah laku semasa permohonan dikemukakan;
- f) Bagi pelajar yang mempunyai kelayakan berbeza daripada yang disyaratkan di perenggan (iv) dan (v), pengesahan bahawa kelayakan tersebut setaraf dengan kelayakan yang disyaratkan hendaklah diperolehi daripada jabatan atau agensi sebagaimana dinyatakan;

- g) Baki tempoh pengajian semasa membuat permohonan hendaklah tidak kurang dari satu (1) tahun;
- h) Tiada penaja lain; dan
- i) Mempunyai akaun simpanan SSPN-*i* sebelum membuat permohonan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan ketelusan dalam pemberian pinjaman tersebut pembiayaan pendidikan PTPTN diberikan kepada semua warganegara Malaysia yang layak berdasarkan syarat-syarat di atas tanpa mengira kaum. Selain itu, jumlah pemberian pembiayaan pendidikan adalah berdasarkan pendapatan bersih bulanan seisi keluarga dan jumlah tanggungan. Terdapat tiga (3) kategori jumlah pembiayaan yang ditetapkan:-

BIL	JUMLAH PEMBIAYAAN	PENDAPATAN BERSIH (RM)
1	Penuh	Tidak melebihi 4,000.00
2	Sebahagian	Melebihi 4,000.00 hingga 5,000.00
3	Yuran	Melebihi 5,000.00

Njm27

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' DR. FIRDAUS BIN HAJI ABDULLAH
TARIKH : 9.10.2013
SOALAN :

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sekiranya pihak Kementerian berpuas hati dengan kejayaan yang dicapai dalam pelaksanaan dasar MBMMBI setakat ini. Berikan contoh-contoh konkrit mengenai cara-cara pengisian dan program-program yang dilaksanakan untuk mencapai matlamat MBMMBI itu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan Kajian Keberkesanan Pelaksanaan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) di Sekolah pada tahun 2012. Kajian tersebut telah mengenal pasti keberkesanan beberapa inisiatif di bawah Dasar MBMMBI seperti Program Penutur Jati, Program Guru Kontrak Bahasa Inggeris, Program *English Teaching Assistants* dan juga Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan inisiatif di bawah Dasar MBMMBI memberi kesan positif terhadap usaha meningkatkan penguasaan bahasa Melayu (BM) dan bahasa Inggeris (BI). Sebagai contoh, kajian mendapati bahawa semua elemen baharu KSSR dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (PdP) BM dan BI. Antara elemen tersebut ialah:

- a) Struktur Modular iaitu Pengajaran lebih berfokus dan mampu mencungkil potensi individu.
- b) Asas Berbahasa/Tatabahasa/Fonik iaitu Meningkatkan kemahiran berbahasa/ tatabahasa yang betul/ sebutan dan intonasi betul
- c) Seni Bahasa dan Didik Hibur iaitu Menggalakkan pembelajaran aktif berpusatkan murid.

Antara program yang dilaksanakan untuk mencapai matlamat MBMMBI adalah seperti berikut:

a) Kurikulum

- i. Program LINUS 2.0: Literasi Bahasa Malaysia dan Literasi Bahasa Inggeris untuk memastikan murid Tahap I menguasai asas literasi

Program LINUS (Literasi dan Numerasi) telah diperkenalkan agar semua murid Tahap 1 menguasai asas literasi dan numerasi kecuali murid berkeperluan khas. Sejak saringan program ini mula dilaksanakan, 99.84 peratus daripada hampir 450, 000 murid yang mengikutinya selama tiga tahun sehingga tahun lalu berjaya menguasai literasi Bahasa Malaysia sebelum melangkah ke tahun empat. Berikut dipaparkan pencapaian Program LINUS.

Pencapaian Program LINUS Sehingga 2012		
Kohort	Pencapaian Semasa Literasi Bahasa Malaysia	Sasaran
1	99.84%	100%
2	96.31%	95%
3	82.15%	85%

- ii. Program LINUS 2.0 Literasi Bahasa Inggeris untuk memastikan murid Tahap I menguasai asas literasi.
- iii. Program 3M(ProTiM): Menulis, Membaca dan Mengira untuk memastikan murid Tahap II menguasai kemahiran menulis dan membaca dalam BM sebagai persediaan mereka sebelum melangkah ke Tingkatan Satu.
- iv. Pelaksanaan Komponen Sastera (KOMSAS) dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris sekolah menengah.
- v. Program OPS-English untuk meningkatkan kemahiran mendengar dan bertutur bahasa Inggeris dalam kalangan murid sekolah menengah.
- b) Latihan Peningkatan Profesionalisme Guru dan Pensyarah BM dan BI;
- c) *Teacher Proficiency Up-Skilling (Pro-ELT)* untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris guru.
- d) Penyediaan bahan sokongan MBMMBI seperti bahan digital dan perisian kandungan BM dan BM, rancangan EduWebTV, peralatan makmal bahasa dan bahan bacaan pusat sumber.
- e) Pelantikan penutur jati sebagai Mentor dan *Training Fellows* di sekolah rendah dan Institut Pendidikan Guru (IPG) untuk meningkatkan kapasiti guru dan pensyarah BI.
- f) Program *English Teaching Assistants* (kolaborasi antara KPM dan kerajaan Amerika Syarikat) untuk meningkatkan penguasaan dan penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATUK CHIW TIANG CHAI**
TARIKH : **9.10.2013**
SOALAN :

Datuk Chiw Tiang Chai minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian agar maklumat yang tepat dan sahih dapat disalurkan kepada semua Persatuan Pendidikan Cina kerana sering kali persatuan tersebut mendapat maklumat yang tidak tepat menyebabkan berlakunya salah faham dan protes terhadap sebarang dasar pendidikan baru yang diiltizamkan oleh Kementerian untuk kepentingan semua kaum.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengadakan perbincangan bersemuka dengan pertubuhan-pertubuhan Cina termasuk Dong Zong bagi menjelaskan agenda transformasi pendidikan dan isu-isu yang dibangkitkan oleh pertubuhan tersebut.

KPM juga telah mendengar dan mempertimbangkan setiap pandangan daripada semua pihak sebelum pelancaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 pada 6 September 2013. Semua cadangan yang terkandung dalam PPPM adalah selari dengan dasar dan perlembagaan Malaysia khususnya yang melibatkan sistem sekolah pelbagai aliran, memartabatkan bahasa Malaysia dan memperkukuh bahasa Inggeris.

Antara langkah yang dilakukan oleh KPM bagi menyalurkan maklumat kepada masyarakat mengenai PPPM adalah melalui media-media massa dalam semua bahasa termasuk program di televisyen seperti rancangan dialog, Malaysia Hari Ini, Selamat Pagi Malaysia dan Nasi Lemak Kopi O'. Bagi memastikan maklumat ini sampai kepada masyarakat Cina dan India, KPM telah menyebarkan melalui akhbar dan brosur dalam bahasa Mandarin dan bahasa Tamil.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN SAIFULIZHAM BIN RAMLI
TARIKH : 9.10.2013
SOALAN :

Tuan Saifullzham bin Ramli minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci tentang sistem penilaian baru pelajar-pelajar tingkatan 3 untuk sesi persekolahan 2014 bagi menggantikan sistem peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran yang akan dimansuhkan selepas sesi persekolahan 2013 ini, serta apakah insentif tambahan yang telah dan akan diberikan kepada guru-guru yang terlibat memandangkan beban kerja yang semakin meningkat dan bertambah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 17 Disember 2010 telah bersetuju supaya Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dilaksanakan sebagai sebahagian daripada Program Transformasi Pendidikan. Sehubungan dengan itu penambahbaikan terhadap Sistem Pentaksiran Kebangsaan bagi Penilaian Menengah Rendah (PMR) pada tahun 2014 akan dilaksanakan dalam bentuk PBS untuk murid-murid Tingkatan 3. Format baru ini masih dalam proses perbincangan dan akan dimaklumkan kepada orang awam selewat-lewatnya hujung tahun ini.

Njm30

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' LIM NGET YOON
TARIKH : 9.10.2013
SOALAN :

Dato' Lim Nget Yoon minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan sekolah antarabangsa yang terdapat di negara ini. Adakah pihak Kementerian mengawasi sekolah-sekolah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bilangan sekolah antarabangsa yang terdapat di Malaysia berdasarkan data berakhir 30 Jun 2013 adalah sebanyak 94 buah. Usaha mengawalselia kualiti pendidikan di sekolah antarabangsa yang telah berdaftar di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dibuat melalui pelaksanaan program Standard Kualiti Institusi Pendidikan Swasta (SKIPS) bagi menilai aspek pengoperasian sekolah tersebut. SKIPS berupaya menentusahkan tahap kualiti sesebuah sekolah antarabangsa dalam aspek pengurusan institusi, pematuhan akta, pengajaran dan pembelajaran, kelayakan guru serta kemenjadian murid. Pemeriksaan dan pemantauan secara berkala juga dilaksanakan berdasarkan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) dan Peraturan-Peraturan yang termaktub di bawahnya.

Bagi menjamin kualiti pendidikan dapat terus dikekalkan hanya kurikulum antarabangsa yang diiktiraf sahaja dibenar untuk ditawarkan kepada murid di sekolah tersebut. Contohnya; kurikulum IGCSE (International General Certificate of Secondary Education), IB (International Baccalaurette), American dan Kanada. Sekolah antarabangsa digalakkan untuk mendapatkan perakuan akreditasi atau pengiktirafan dari badan antarabangsa seperti WASC (Western Association of School and Colleges), FORBISEA (Federation of British International Schools in South East Asia), CIS (Councils of International Schools).

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATUK KADZIM M. YAHYA**
TARIKH : **9.10.2013**
SOALAN :

Datuk Kadzim M. Yahya minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apa rasional IPTA menyerap masuk pelajar-pelajar perubatan daripada Mesir tetapi diturunkan semula 2 tahun daripada tahap pengajian terakhir pelajar-pelajar tersebut di Mesir

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tempoh pengajian perubatan peringkat sarjana muda di Mesir dengan Malaysia adalah berbeza kerana di Mesir tempoh pengajiannya selama enam tahun manakala di Malaysia hanya lima tahun. Perbezaan tempoh pengajian ini adalah disebabkan struktur kurikulum pengajaran dan sistem pembelajaran adalah berbeza. Ini kerana kemasukan pelajar di Malaysia menggunakan keputusan matrikulasi atau asasi tetapi di Mesir memadai dengan keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sahaja. Walaupun di Mesir tempoh pengajiannya selama enam tahun, sebenarnya secara perbandingannya tahun satu di Mesir sama dengan tahap asasi atau matrikulasi di Malaysia.

Disebabkan tempoh pengajian yang berbeza, maka struktur kurikulum pengajaran dan pembelajaran juga adalah berbeza bersesuaian dengan tempoh pengajian tersebut. Berdasarkan keputusan Jemaah Menteri dalam mesyuarat bertarikh 18 September 2013 yang membenarkan pelajar-pelajar Malaysia dari universiti di Mesir memilih untuk menyambung pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia dalam bidang perubatan, pergigian dan farmasi, maka pelajar-pelajar berkenaan dibolehkan melaksanakan pemindahan kredit berdasarkan prinsip "parallel" ("minus one rule") berdasarkan tahun pengajian secara "one-off". Sebagai contoh, pelajar yang telah tamat tahun tiga (3) program perubatan di Mesir dan ingin meneruskan pengajian ke tahun empat di Malaysia akan ditempatkan di tahun tiga (3). Ini menjadikan tempoh pengajian

keseluruhan adalah selama 6 tahun iaitu tiada tambahan tempoh pengajian kepada pelajar.

Walau bagaimanapun, penempatan pelajar-pelajar di IPT di Malaysia tidak melibatkan pelajar-pelajar yang sedang mengikuti program klinikal bagi bidang perubatan dan pergigian.

Njm32

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATO' SYED IBRAHIM BIN KADER**
TARIKH : **9.10.2013**
SOALAN :

Dato' Syed Ibrahim bin Kader minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) mampu melahirkan pelajar yang inovatif, progresif, berdaya saing serta patriotik terhadap negara. Apakah pembaharuan-pembaharuan yang telah direncana dalam PPPM. Apakah akan ada perubahan dalam kurikulum dan kokurikulum di sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Semua inisiatif di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2015 yang berkaitan dengan pembelajaran murid adalah untuk mencapai enam aspirasi murid iaitu murid yang berilmu pengetahuan, berkemahiran berfikir, berkemahiran memimpin, menguasai bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris, etika dan kerohanian serta beridentiti nasional.

PPPM 2013-2015 akan meningkatkan sistem pendidikan dengan meningkatkan kualiti, akses, ekuiti, perpaduan dan kecekapan.

Njm33

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH KHAIRIAH BINTI MOHAMED
TARIKH : 9.10.2013
SOALAN :

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah yang akan dilaksanakan untuk meningkatkan profesion perguruan sebagai pilihan profesion utama semenjak 2012 selaras dengan perkara pertama dalam bidang keutamaan yang telah dikenal pasti hasil daripada Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menggariskan sebelas anjakan untuk transformasi sistem pendidikan negara di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 (PPPM). Di bawah Anjakan 4: Transformasi Keguruan Sebagai Profesion Pilihan, KPM telah menetapkan enam (6) strategi seperti berikut:

- a) Mengetatkan syarat lantikan guru mulai 2013 supaya dalam kalangan graduan 30% teratas.
- b) Meningkatkan kualiti pembangunan profesionalisme berterusan (*Continuing Profesional Development – CPD*) dengan lebih tumpuan ke atas keperluan individu dan latihan berasaskan sekolah.
- c) Memastikan guru memberi fokus ke atas fungsi teras pengajaran mulai 2013 dengan mengurangkan beban pentadbiran.
- d) Melaksanakan laluan kerjaya guru berasaskan kompetensi dan prestasi mulai 2016.
- e) Meningkatkan laluan guru untuk peranan kepimpinan, pakar pengajaran dan pakar bidang khusus menjelang 2016.
- f) Membudayakan kecemerlangan berasaskan pimpinan rakan sekerja dan proses pensijilan mulai 2025.

KPM pada masa kini sedang melaksanakan Kursus Pembangunan Kompetensi Mengikut Gred bagi guru DG41 yang berada di tahun ketiga dan keempat perkhidmatan. Kursus selama 30 jam tersebut disasarkan kepada 16,000 guru dan berlangsung dari bulan September hingga November 2013. Modul kursus yang digunakan meliputi empat (4) komponen iaitu Keilmuan dan Pengetahuan, Pengajaran dan Pembelajaran, Kepimpinan dan Pengurusan serta Sahsia.

Njm34

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' DR. FIRDAUS BIN HAJI ABD
TARIKH : 9.10.2013
SOALAN :

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sekiranya benar dakwaan bahawa IPTS mengamalkan dasar yang longgar/liberal dalam memberikan markah peperiksaan untuk memudahkan para pelajarinya mendapat nilai CGPA/PNGK yang lebih tinggi dengan muslihat untuk mendapatkan keringanan bila membayar kembali hutang PTPTN.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa mengambil perhatian dan tindakan terhadap setiap aduan yang diterima termasuklah sekiranya terdapat aduan berkenaan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) mengamalkan dasar longgar dalam pemberian markah peperiksaan untuk memudahkan para pelajarinya mendapat Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA/PNGK) yang lebih tinggi dengan muslihat untuk mendapatkan keringanan bagi pembayaran balik pinjaman PTPTN.

Pihak KPM sentiasa memantau pengoperasian IPTS dalam pengendalian program-program yang diluluskan bersama agensi kawal selia yang lain seperti Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan juga badan profesional seperti Lembaga Jururawat Malaysia (LJM), Lembaga Farmasi Malaysia (LFM) dan Majlis Perubatan Malaysia (MMC).

MQA telah membangunkan Garis Panduan Amalan Baik iaitu Penilaian Pembelajaran Pelajar sebagai panduan untuk semua Pemberi Pengajian Tinggi (PPT) dalam melaksanakan penilaian pelajar. Antara penekanan yang terkandung dalam dokumen tersebut adalah kriteria penggredan yang mana ciri-ciri berikut perlu diambil kira:

- a) Kriteria dan petunjuk prestasi bagi standard pencapaian yang digunakan bagi memastikan penentuan gred adalah konsisten dan perlu selaras bagi sesebuah institusi.
- b) Kebolehpercayaan dan kesalahan dalam menentukan gred yang menggambarkan pencapaian sebenar pelajar bagi hasil pembelajaran, *learning outcomes* dan ditentukan berdasarkan prestasi dalam pelbagai tugas penilaian.
- c) Gred perlu menggambarkan maklumat yang berguna kepada pelajar dan kepada semua yang berminat atau yang perlu tahu mengenai pembelajaran mereka.
- d) Gred harus memotivasikan pelajar untuk memperbaiki prestasi mereka.

Oleh itu, bagi menentukan pemberian markah peperiksaan serta CGPA/PNGK kepada para pelajar maka pihak PPT perlu berlandaskan Garis Panduan Amalan Baik Penilaian Pembelajaran Pelajar. Dengan ini MQA dapat menjalankan semakan dan penilaian terhadap program yang ditawarkan oleh PPT dan memandang serius bahawa kaedah penilaian pelajar yang dibuat oleh sesebuah PPT adalah mengikut Garis Panduan Amalan Baik tersebut. Malah, MQA turut melaksanakan audit pematuhan untuk memantau program pengajian yang ditawarkan.

Oleh yang demikian, sekiranya terdapat bukti insttisi pengajian tinggi swasta mengamalkan dasar yang longgar dalam pemberian markah, KPM akan mengambil tindakan tegas terhadap IPTS tersebut.

Njm35

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATO' LIM NGET YOON**
TARIKH : **9.10.2013**
SOALAN :

Dato' Lim NgetYoon minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengenai laporan yang menyatakan bahawa guru-guru membayar wang kepada orang-orang tengah untuk mendapatkan pertukaran ke negeri-negeri lain. Sejauh mana kebenarannya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pertukaran Guru Antara Bahagian, Negeri, dalam Negeri dan dalam Daerah dilaksanakan oleh KPM dilaksanakan dengan menggunakan sistem e-GTukar. Penggunaan sistem e-GTukar ini memudahkan pelaksanaan pertukaran guru dengan telus dan terbuka. Keputusan kelulusan pertukaran ini pula dibuat secara Mesyuarat Berpusat yang melibatkan semua Jabatan Pendidikan Negeri serta Bahagian-Bahagian Sektor Operasi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia berdasarkan kepada keperluan perkhidmatan, kekosongan jawatan serta opsyen di negeri yang dimohon dan juga keperluan negeri asal pemohon.

Kelulusan permohonan pertukaran guru ini juga mengambil kira kriteria-kriteria lain seperti mengikut pasangan, kes-kes sakit kronik yang disahkan oleh doktor pakar, kes-kes ancaman keselamatan dengan laporan siasatan polis dan tempoh perkhidmatan. Walau bagaimanapun keputusan atau kelulusan muktamadnya bergantung sepenuhnya kepada kekosongan jawatan, opsyen dan keperluan perkhidmatan di negeri atau daerah yang dimohon. Justeru itu keputusan permohonan pertukaran guru yang dibuat adalah sangat mantap, konsisten dan telus.

Mengenai dakwaan laporan yang menyatakan bahawa guru-guru membayar wang kepada orang-orang tengah untuk mendapatkan pertukaran ke negeri-negeri lain. Kementerian Pendidikan Malaysia sedang menyiasat dakwaan ini dengan penubuhkan satu Jawatankuasa Khas di peringkat KPM bagi mengkaji dakwaan tersebut. Jawatankuasa Khas ini diurus setiakan oleh Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) dan dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran (Sektor Pembangunan Profesionalisme Keguruan). Objektif penubuhan Jawatankuasa Khas ini adalah seperti berikut:

- a) melakukan siasatan terhadap dakwaan yang dikemukakan.
- b) mengenalpasti dan menentukan kebenaran dakwaan.
- c) mencadangkan tindakan dan penambahbaikan.

Tempoh pelaksanaan tatacara operasi dan tindakan oleh Jawatankuasa Khas adalah selama 2 bulan mulai 17 September 2013 dengan menggunakan tiga kaedah utama iaitu siasatan, konsultasi dan sindikasi. Langkah tambahan secara lebih telus dan terbuka dalam urusan penempatan dan pertukaran guru telah dilakukan dengan memberi peluang kepada guru-guru yang tidak berpuas hati termasuk ingin merayu terhadap permohonan mereka boleh datang berbincang secara bersemuka dengan pegawai-pegawai yang terlibat termasuk dengan ketua jabatan yang menguruskan penempatan dan pertukaran. KPM juga telah mengeluarkan kenyataan akhbar pada 13 September 2013 berhubung perkara ini.

Njm36

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. PUAN HAJAH MARIANY BINTI MOHAMMAD YIT**

TARIKH : **9.10.2013**

SOALAN :

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran di Mesir dan bagaimanakah Kementerian menangani isu keselamatan pelajar di sana serta langkah efektif yang diambil dengan menawarkan baki pengajian di institusi dalam negara dan institusi luar negara yang lebih stabil agar kesinambungan pengajian pelajar-pelajar kita di Mesir ditangani secara berhemah dan efektif.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Keadaan di Mesir sekarang adalah tidak stabil ekoran daripada tindakan meleraikan perhimpunan penyokong Bekas Presiden di beberapa kawasan panas. Berdasarkan tinjauan lapangan ke Mesir pada 24 hingga 26 Ogos 2013, pergolakan di Mesir akan berlarutan dan tidak akan berakhir dalam jangka masa terdekat. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah mengambil beberapa tindakan bagi memberi alternatif kepada pelajar-pelajar yang ingin menyambung pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia. Keadaan ini juga menyebabkan semua pemergian pelajar baru ditangguhkan untuk sesi 2013/2014 yang sepatutnya bermula pada September 2013.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa mengambil berat keselamatan dan kepentingan pengajian pelajar-pelajar Malaysia di Mesir. Oleh itu, pihak Education Malaysia Egypt (EME) dengan kerjasama Kedutaan Malaysia Kaherah (KBMK) telah memindahkan pelajar-pelajar di kawasan panas ke kawasan yang lebih selamat. Sehubungan dengan itu, semua pelajar Malaysia yang berada di Mesir diarahkan agar berada dalam rumah masing-masing dan dinasihatkan tidak

melibatkan diri dalam sebarang perhimpunan serta sentiasa mematuhi arahan KBMK dan EME.

Susulan daripada pertemuan pihak KPM dengan para ibu bapa serta pelajar-pelajar pada 12 September 2013, mesyuarat Jemaah Menteri pada 18 September 2013 telah mengambil keputusan untuk membenarkan pelajar-pelajar Malaysia daripada universiti di Mesir yang memilih untuk menyambung di IPT di Malaysia dalam bidang perubatan, pergigian dan farmasi dibolehkan melaksanakan pemindahan kredit berdasarkan prinsip "*parallel*" (*minus one rule*) berdasarkan tahun pengajian secara "*one-off*". Walau bagaimanapun, penempatan pelajar-pelajar di IPT di Malaysia tidak melibatkan pelajar-pelajar yang sedang mengikuti program klinikal bagi bidang perubatan dan pergigian. Bagi pemindahan kredit bidang Pengajian Islam pula adalah mengikut syarat yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia atau Malaysian Qualification Agency (MQA).

Bagi melicinkan pengurusan pengajian pelajar yang akan meneruskan pengajian di IPT di Malaysia, maka satu jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Pengurusan Pengajian Pelajar Malaysia di Mesir (JPPPM) telah ditubuhkan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah, Jabatan Pengajian Tinggi yang turut dianggotai oleh wakil-wakil daripada Majlis Perubatan Malaysia, Majlis Pergigian Malaysia, Lembaga Farmasi Malaysia dan agensi penaja Kerajaan Persekutuan serta Negeri. Jawatankuasa ini berfungsi bagi merancang, menyelaras dan mengurus hal-hal berkaitan dengan pengurusan pengajian dan pemindahan kredit berdasarkan prinsip "*parallel*" (*minus one rule*) atau mengikut MQA.

Njm37

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. TUAN CHIEW LIAN KENG**
TARIKH : **9.10.2013**
SOALAN :

Tuan Chiew Lian Keng minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kesediaan Kementerian dalam mengukuhkan bahasa ibunda di sekolah rendah dan memperkasakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa di Sekolah Menengah dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Hak untuk semua kaum mempelajari bahasa Ibunda masing-masing telah termaktub dalam perlembagaan dan Akta Pendidikan. Justeru, kerajaan sentiasa menggalakkan pembelajaran dan penggunaan bahasa Ibunda semua kaum. Untuk tujuan ini, bahasa Cina merupakan Bahasa Ibunda dan bahasa pengantar bagi SJKC dengan peruntukan masa P&P sebanyak 360 minit di Tahap 1 serta 300 minit di Tahap 2. Di samping itu, terdapat juga 502 buah SK yang menawarkan kelas Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan (BCSK) di mana murid semua kaum di SK diberi peluang untuk mempelajari pelbagai bahasa termasuk bahasa Ibunda.

Bahasa Tamil merupakan bahasa pengantar di SJKT. Pengajaran Bahasa Tamil di SJKT di Tahap 1 adalah sebanyak 360 minit seminggu dan di Tahap 2 adalah sebanyak 300 minit seminggu. Murid- murid di SK pula berpeluan mempelajari Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK) dengan peruntukan masa sebanyak 90 minit seminggu. Pengajaran Bahasa Tamil dilaksanakan dalam jadual waktu persekolahan. KPM turut memperkukuh dan menyokong pelaksanaan bahasa Ibunda dalam semua aspek sama seperti mata pelajaran lain dalam sistem pendidikan di Malaysia.

Bahasa Inggeris sememangnya bahasa antarabangsa dan pelaksanaannya dalam sistem pendidikan kebangsaan adalah sebagai bahasa kedua. Bagi memastikan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid sekolah

menengah dapat ditingkatkan, KPM telah melaksanakan pelbagai program. Antara program yang dijalankan ialah:

- a) Pelaksanaan Komponen Sastera (KOMSAS) dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris sekolah menengah;
- b) Program OPS-English untuk meningkatkan kemahiran mendengar dan bertutur bahasa Inggeris dalam kalangan murid sekolah menengah;
- c) Latihan Peningkatan Profesionalisme Guru dan Pensyarah BM dan BI;
- d) *Teacher Proficiency Up-Skilling (Pro-ELT)* untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris guru;
- e) Penyediaan bahan sokongan MBMMBI seperti bahan digital dan perisian kandungan BM dan BM, rancangan EDUWEBTV, peralatan makmal bahasa dan bahan bacaan pusat sumber;
- f) Pelantikan penutur jati sebagai Mentor dan *Training Fellows* di sekolah rendah dan IPG untuk meningkatkan kapasiti guru dan pensyarah bahasa Inggeris;
- g) Program *English Teaching Assistants* (kolaborasi antara MoE dan kerajaan Amerika Syarikat) untuk meningkatkan penguasaan dan penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid.

Njm38

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. PUAN HAJAH ROHANI BINTI ABDULLAH**
TARIKH : **9.10.2013**
SOALAN :

Puan Hajah Rohani binti Abdullah minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah kejayaan program Sekolah Amanah yang dilancarkan semenjak 2011 lalu bertujuan meningkatkan prestasi akademik sekolah menerusi konsep perkongsian awam-swasta (PPP) dan nyatakan langkah Kementerian bagi mengembangkan inisiatif ini pada peringkat menengah untuk memastikan kesinambungan program.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Program Sekolah Amanah merupakan satu program perkongsian awam dan swasta selaku penaja yang telah bermula pada tahun 2011 melibatkan 5 buah sekolah di Sarawak dan 5 lagi di negeri Johor. Di bawah peluasan Program Sekolah Amanah tahun 2013, sebanyak 3 buah sekolah di Kuala Lumpur telah dipilih bagi menyertai program ini. Objektif Program Sekolah Amanah adalah mengadakan transformasi sistem sekolah secara menyeluruh untuk melahirkan modal insan yang holistik.

Di bawah inisiatif 65 – Penambahbaikan Program Sekolah Amanah dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 (PPPM), kementerian akan menilai keberkesanan Program Sekolah Amanah serta membangunkan satu rangka kerja dan perjanjian Operasi dan Pengurusan (OMA) yang standard untuk Sekolah Amanah. Kementerian juga akan menambah baik hubungan antara Sekolah Amanah dengan Jabatan Pelajaran Negeri serta Pejabat Pelajaran Daerah untuk memastikan wujud kebertanggungjawaban dan semangat kepunyaan yang lebih tinggi pada peringkat daerah dan negeri.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. TUAN CHANDRA MOHAN A/L
S. THAMBIRAJAH**
TARIKH : **9.10.2013**
SOALAN :

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian bersetuju dan menyokong tindakan polis untuk menyoal murid-murid SK Seri Pristana tanpa makluman kepada atau tanpa kehadiran ibu bapa dan apakah tindakan yang akan diambil untuk memberhentikan gangguan (harassment) murid-murid tertentu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu berkaitan SK Seri Pristana telah diambil tindakan yang sewajarnya oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Ingin ditegaskan pada dasarnya KPM berpuas hati dengan siasatan serta penjelasan yang diberi oleh pihak sekolah. Malah KPM dari semasa ke semasa telah mengambil tindakan-tindakan seperti yang disarankan oleh pihak-pihak yang terlibat.

KPM juga berharap di samping tindakan-tindakan tersebut, semua pihak yang terlibat termasuk guru-guru, ibu bapa dan masyarakat setempat dapat memainkan peranan masing-masing bagi mewujudkan persekitaran yang harmoni dan kondusif di sekolah serta memberi fokus utama terhadap pembelajaran murid-murid di sekolah berkenaan.

Njm40

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATO' DR. MASHITAH BINTI IBRAHIM**
TARIKH : **9.10.2013**
SOALAN :

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendirian berkaitan kemasukan warganegara asing yang mempunyai fahaman Syiah di universiti-universiti tempatan. Adakah perlu satu kaedah diperkenalkan untuk menyaring kemasukan mereka ke negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kemasukan pelajar ke universiti tempatan sama ada dari dalam dan luar negara adalah berdasarkan kepada kelayakan dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak universiti yang menawarkan pengajian, dengan dipantau oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Bagi mengekang penularan ajaran syiah dalam kalangan pelajar pula termasuklah pelajar dari luar negara, KPM sentiasa berkerjasama dengan agensi-agensi yang berkaitan termasuklah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atau Jabatan Agama Islam Negeri berkaitan.

Njm41

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN LIHAN JOK
TARIKH : 10.10.2013
SOALAN :

Tuan Lihan Jok minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pendekatan serius yang sedang diambil untuk mengatasi masalah kekurangan rumah-rumah guru di sekolah luar bandar, khususnya di SK Long Kevok dan banyak lagi di pedalaman kawasan P.220 Baram.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam merancang pembinaan rumah guru, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan melaksanakan kajian analisa keperluan melalui saluran Jabatan Pendidikan Negeri. Di negeri Sarawak, sebanyak 84 unit projek rumah guru untuk 30 buah sekolah telah dibina, manakala di Parlimen Baram secara khususnya, rumah guru untuk 12 buah sekolah sedang dalam pembinaan. Projek-projek ini dilaksanakan secara berpakej bersama projek-projek ubah suai dan naik taraf bangunan yang lain.

Berhubung pembinaan rumah guru di SK Long Kevok, Baram, ia telah tersenarai dalam Pelan Memperkasakan Pendidikan Sekolah Pedalaman Sabah dan Sarawak 2013-2015 di bawah Projek K9 dirancang untuk dimulakan pada tahun 2014. Pembinaan yang akan menggunakan modul kabin ini akan melibatkan bilik darjah, asrama, rumah guru, dewan makan, makmal dan bengkel.

Njm42

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. PUAN S. BAGIAM A/P AYEM PERUMAL**

TARIKH : **10.10.2013**

SOALAN :

Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah permohonan yang telah diterima bagi kemasukan IPTA baru-baru ini dan berikan pecahan mengikut kaum dan kursus yang ditawarkan bagi sesi pembelajaran tahun ini, serta apakah masalah yang dihadapi oleh Kementerian dalam mengagihkan penempatan serta kursus yang dipohon oleh pelajar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik permohonan, calon layak dan penawaran bagi calon lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)/Matrikulasi/Asasi 2013/2014 mengikut kaum adalah seperti berikut:

KAUM	MOHON	LAYAK	TAWAR
BUMIPUTERA	50,560	43,245 (85.5%)	30,903 (71.5%)
CINA	12,065	10,479 (86.9%)	7,913 (75.5%)
INDIA	3,586	2,648 (73.8%)	1,824 (68.9%)
LAIN-LAIN	2,491	1,430 (57.4%)	933 (65.2%)
JUMLAH	68,702	57,802 (84.1%)	38,549 (66.7%)

Tawaran tempat yang diberikan kepada calon adalah meliputi bidang bahasa, ekonomi, perakaunan, perniagaan, farmasi, kejuruteraan, komputer, pendidikan, pengajian Islam, pengurusan, pergigian, sains gunaan, sains kesihatan/sains bersekutu, sains tulen, sastera, seni bina, teknologi dan undang-undang.

Bilangan permohonan yang tinggi berbanding bilangan tempat yang disediakan oleh institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bagi setiap program pengajian adalah cabaran terbesar Kementerian dalam menempatkan pelajar yang layak untuk melanjutkan pengajian di IPTA. Justeru, pemilihan pelajar dilaksanakan berdasarkan prinsip meritokrasi, dengan mengguna pakai 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah kokurikulum untuk menjana markah merit calon.

Penetapan merit tidak hanya melihat kepada pencapaian akademik semata-mata. Penentuan dibuat dengan mengambil kira kedua-dua elemen akademik dan kokurikulum calon untuk memastikan IPTA melahirkan graduan yang holistik.

Sistem meritokrasi yang digunakan untuk pemilihan pelajar ke universiti adalah telus dan dibuat secara profesional. Berdasarkan prinsip meritokrasi, semua calon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, bangsa, keturunan, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal tidak akan dinafikan peluang untuk mengikuti pengajian di IPTA.

Calon-calon yang layak dan memenuhi Syarat Am Universiti, Syarat Khas Program Pengajian serta kriteria pemilihan yang telah ditetapkan akan dipertimbangkan mengikut pilihan program pengajian yang dipohon mengikut kelayakan, minat, cita-cita dan kecenderungan calon.

Njm43

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' BOON SOM A/L INONG
TARIKH : 10.10.2013
SOALAN :

Dato' Boon Som a/l Inong minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Universiti Teknologi MARA bersedia menerima pelajar keturunan Siam, yang telah diiktiraf oleh pihak Kerajaan sebagai Bumiputera, untuk melanjutkan pelajaran di universiti berkenaan

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan urusan pemilihan kemasukan pelajar ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dengan mengguna pakai taraf "Bumiputera" yang merangkumi warganegara Malaysia yang berketurunan "Melayu", "Orang Asli" dan "Anak Negeri" bagi mana-mana negeri Sabah atau Sarawak.

Taraf "Bumiputera" pelajar yang diguna pakai bagi urusan kemasukan pelajar ke IPTA adalah berdasarkan status "kaum ibu atau bapa" pelajar beserta maklumat peribadi pelajar yang diperoleh daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Dalam hal ini, JPN tidak melaksanakan penentuan taraf "Bumiputera". Sebaliknya JPN menyerahkan kepada tafsiran dan amalan sesebuah institusi bagi kegunaan dan pengurusan masing-masing. JPN hanya menetapkan kod untuk sesuatu kaum dan suku kaum tertentu sahaja.

Bagi urusan kemasukan pelajar ke IPTA, jika salah seorang ibu atau bapa pelajar adalah Orang Melayu yang beragama Islam atau Orang Asli atau Anak Negeri bagi mana-mana Negeri Sabah atau Sarawak, maka pelajar tersebut dianggap sebagai seorang "Bumiputera". Manakala, bagi urusan kemasukan ke IPTA, pelajar warganegara Malaysia berketurunan Siam dikategorikan sebagai "Bukan Bumiputera". Berikutan itu, kaedah pelaksanaan pemilihan kemasukan pelajar tersebut ke IPTA diproses berdasarkan syarat dan prosedur yang sama

seperti mana pelajar-pelajar keturunan lain dalam kalangan “Bukan Bumiputera”.

Istilah “Bumiputera” secara khasnya tidak ditakrifkan di dalam Perlembagaan Persekutuan atau mana-mana undang-undang. Istilah “Bumiputera” digunakan oleh Kerajaan dalam urusan menguatkuasakan dasar-dasar, terutamanya yang berkaitan dengan hak dan keistimewaan seperti mana yang telah diperuntukkan di bawah Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan yang melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak.

Namun begitu, bagi tujuan pelaksanaan dasar-dasar semasa berkaitan dengan “Bumiputera”, Kerajaan merujuk istilah “Bumiputera” sebagai warganegara Malaysia yang tergolong dalam mana-mana 3 kategori yang berikut iaitu:

- a) “Orang Melayu” sebagaimana yang ditakrifkan menurut Fasal (2) Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan;
- b) “Orang Asli” sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Fasal (2) Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan yang dibaca bersama dengan Seksyen 3 Akta Orang Asli 1954 [Akta134]; dan
- c) “Anak Negeri” sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Perkara 161A (6)(a) dan 161A (6)(b) Perlembagaan Persekutuan yang dibaca bersama dengan *Interpretation (Definition of Native) Ordinance* Sabah.

Ketiga-tiga takrif “Orang Melayu”, “Orang Asli” dan “Anak Negeri” bagi negeri Sabah dan Sarawak yang dirujuk sebagai “Bumiputera” bagi tujuan pelaksanaan dasar-dasar menurut Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang. Dalam hal ini, sebagaimana menurut takrif “Orang Melayu” dalam Perkara 160(2) Perlembagaan Persekutuan, rakyat Malaysia berketurunan Siam boleh diiktiraf sebagai “Orang Melayu” jika rakyat Malaysia berketurunan Siam apabila menganuti agama Islam, lazim bercakap bahasa Melayu, menurut adat Melayu dan yang lahir sebelum Hari Merdeka di Persekutuan atau Singapura atau yang lahir sebelum Hari Merdeka dan ibu atau bapanya telah lahir di Persekutuan atau di Singapura, atau yang pada Hari Merdeka berdomisil di Persekutuan atau di Singapura.

Justeru, dari sudut undang-undang, para pelajar berketurunan Siam yang tidak memenuhi kriteria “Orang Melayu” seperti yang ditakrifkan di bawah Perkara 160(2) Perlembagaan Persekutuan tidak boleh dianggap sebagai “Bumiputera” dan tidak berpeluang mengikuti program pengajian di IPTA yang dikhususkan kepada “Bumiputera”.

Oleh itu, mana-mana orang keturunan Siam yang jatuh di bawah kategori “Melayu” di bawah Perkara 160(2) atau “Anak Negeri Sabah” di bawah Perkara

161A(6)(b) atau “Anak Negeri Sarawak” di bawah Perkara 161A(6)(a) dan 161A(7) boleh diterima masuk ke Universiti Teknologi Mara (UiTM) setelah layak daripada segi merit.

Njm44

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH NORIAH BINTI MAHAT
TARIKH : 10.10.2013
SOALAN :

Puan Hajah Noriah binti Mahat minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah penyatuan Kementerian Pendidikan dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2010-2015 dapat membantu meningkatkan ranking universiti kita di peringkat antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2010-2015 berhasrat untuk menyediakan sistem pendidikan yang berkualiti dengan menetapkan 5 Aspirasi sistem. Melalui sistem pendidikan yang berkualiti, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mampu melahirkan murid yang cukup bersedia untuk belajar di IPTA serta mempunyai ciri-ciri abad ke-21.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM memantapkan laluan pendidikan dengan membuka peluang seluas-luasnya kepada murid memilih laluan pendidikan yang diminati mengikut kebolehan. Antaranya ialah laluan teknik dan vokasional, agama, seni, sukan dan aliran perdana. Melalui laluan pendidikan ini, institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dapat menerima murid yang berkemampuan dalam pelbagai bidang berdasarkan minat.

Dalam usaha melonjakkan kedudukan ranking dunia, institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan berusaha memperkukuhkan pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, jaringan kolaborasi, penerbitan serta pengurusan IPT masing-masing untuk bersaing di peringkat global.

Kementerian sebenarnya telah menjalankan program-program berikut bagi melonjakkan IPT tempatan di peringkat antarabangsa iaitu:

- a) Pengiktirafan Universiti Sains Malaysia (USM) sebagai Universiti bertaraf APEX (Accelerated Programme for Excellence) yang turut merupakan usaha ke arah universiti terbaik dunia. Ini adalah selaras dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara yang menetapkan sasaran supaya menjelang tahun 2020 tiga IPT tempatan berada dalam kedudukan 100 universiti terbaik dunia di mana satu daripadanya antara 50 yang terbaik;
- b) Pengiktirafan Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sebagai Universiti Penyelidikan. Dengan pengiktirafan ini, kelima-lima IPTA tersebut akan mempergiatkan lagi aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta inovasi; dan
- c) Pada tahun 2010, Kementerian telah mengiktiraf enam Pusat Kecemerlangan di IPTA sebagai Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HICoE) untuk melaksanakan penyelidikan kolaborasi penyelidikan dan kepakaran serta menghasilkan penerbitan berimpak tinggi bagi melonjakkan pencapaian masing-masing di peringkat antarabangsa.
- d) Satu pelan khusus tentang bagaimana pelaksanaan pemberian autonomi kepada IPTA dari aspek kewangan dan lain-lain bertujuan untuk memaksimumkan penggunaan sumber-sumber yang diperolehi oleh IPTA bagi meningkatkan kedudukan universiti untuk jangka panjang sedang disediakan.
- e) Di bawah Rancangan Malaysia Ke-10, Sektor Pengajian Tinggi KPM telah diperuntukan dana penyelidikan bagi tahun 2011 hingga 2013 sebanyak RM1billion untuk menjalankan penyelidikan fundamental kepada kakitangan akademik di IPTA dan IPTS tempatan. Peruntukan ini adalah bagi melaksanakan Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara (PSPTN) di bawah Teras 3: Memperteguh Penyelidikan dan Inovasi. Dana Penyelidikan ini disediakan untuk menghasilkan *mass critical* (penyelidik utama) dan penghasilan modal insan berpengetahuan tinggi (Graduan PhD dan Sarjana) di bawah dana penyelidikan fundamental KPM. Untuk 2011 hingga 2012, sebanyak 3,876 penyelidik utama telah menjalankan penyelidikan dan setiap projek penyelidikan melibatkan tiga (3) hingga empat (4) penyelidik bersama menjadikan *mass critical* yang menjalankan penyelidikan dari dana penyelidikan fundamental KPM seramai 11,000 hingga 15,000 penyelidik. Manakala penghasilan modal insan dari dana penyelidikan fundamental sehingga Februari 2013 adalah sebanyak 1,422 pelajar PhD dan sebanyak 2,155 pelajar Master.

- f) Penarafan bintang IPT tempatan termasuk IPTA dan IPTS dijalankan setiap tahun berdasarkan penilaian MyRA®. Kementerian mengalakkan IPT tempatan menilai pencapaian dan mengambil usaha-usaha melonjakkan kedudukan atau ranking mereka berdasarkan pencapaian dalam penilaian MyRA®. Ia dapat membantu IPT tempatan dalam mengenal pasti aspek yang perlu diberi perhatian dan diperbaiki.

Njm45

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD. KHALID BIN AHMAD
TARIKH : 10.10.2013
SOALAN :

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:-

- (a) apakah faktor-faktor yang telah membolehkan Universiti Malaya mencapai kedudukan top 200 universiti terbaik di dunia iaitu di tangga ke-156 pada tahun 2012 dan ke 167 pada tahun 2013 di dalam senarai yang dikeluarkan oleh QS World University Rangkaian; dan
- (b) apakah tindakan yang akan diambil oleh lain-lain IPTA di Malaysia bagi mencapai top 200 universiti terbaik di dunia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Berdasarkan pencapaian Universiti Malaya (UM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mendapati UM mampu merealisasikan sasaran KPM supaya sekurang-kurangnya tiga (3) institusi pengajian tinggi tempatan diiktiraf di antara 100 universiti terbaik dunia menjelang tahun 2015 dan satu antara 50 universiti terbaik dunia menjelang tahun 2020. Oleh itu, beberapa langkah telah dilaksanakan oleh UM untuk mencapai sasaran tersebut seperti berikut:
 - i. mewujudkan Pelan Strategik UM yang lebih berfokus melalui penubuhan *Global Planning and Strategy Centre*, UM.
 - ii. menambahbaik kriteria kenaikan pangkat staf akademik melalui *Standard Academic Performance Target (SAPT)*.
 - iii. program Skim Akademik Ikon bagi membolehkan ahli akademik ulung dan penyelidik tersohor berkhidmat di UM.

- iv. skim *Bright Spark* yang bertujuan merekrut pelajar cemerlang yang mempunyai minat mendalam dalam penyelidikan untuk menjadi staf akademik UM.
- v. pelaksanaan program *High Impact Research* (HIR) yang membolehkan UM melaksanakan penyelidikan dan penerbitan berimpak tinggi.

Selain dari itu, UM akan terus memperkukuhkan aspek fundamental seperti akademik dan penyelidikan melalui penilaian yang dijalankan oleh KPT melalui Instrumen Penilaian Penyelidikan Malaysia (MyRA®) dan Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA).

- (b) KPM sememangnya tidak mengetepikan pencapaian institusi pengajian tinggi awam (IPTA) lain dalam ranking dunia. Namun demikian, aspek kualiti pengajian tinggi negara tidak seharusnya tertumpu kepada sistem ranking seperti yang dijalankan oleh QS World University Ranking (QS-WUR) sahaja. Kesesuaian dan elemen tempatan harus diambil kira dalam merangka satu pendekatan yang lebih komprehensif dan kondusif kepada pembangunan negara dan pada masa yang sama menepati amalan bijak antarabangsa.

Bagi meningkatkan prestasi IPTA di samping meningkatkan kedudukan dalam ranking dunia, pelbagai usaha telah dan sedang diambil oleh KPM, antaranya:

- i. Melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia melalui penubuhan Agensi Kelayakan Malaysia bagi memastikan kualiti program pendidikan IPT tempatan adalah setanding dengan program pendidikan yang ditawarkan oleh universiti luar negara. Kerangka Kelayakan Malaysia ini akan membolehkan Kementerian melaksanakan penarafan atau *rating* (dengan izin), ke atas IPTA.
- ii. Berusaha mempertingkatkan pendidikan tinggi negara melalui pendekatan pengantarabangsaan untuk menarik pelajar antarabangsa ke negara ini, di samping menghantar lebih ramai tenaga pengajar berkhidmat dan menimba pengetahuan di universiti-universiti luar negara. Ini akan mewujudkan jaringan kerjasama antarabangsa.

- iii. Berusaha untuk menambah jumlah tenaga akademik berkelayakan PhD. kepada 75 peratus menjelang tahun 2015 (60 peratus menjelang tahun 2010 dengan peruntukan RM1.2 billion dalam RMKe-9). Dasar ini adalah bagi membolehkan lebih ramai tenaga akademik universiti terlibat secara serius dalam pengajaran dan penyelidikan serta pembangunan ilmu-ilmu baru.
- iv. Mengenal pasti pendekatan yang sesuai untuk menubuhkan universiti penyelidikan dalam memastikan Malaysia terus menjadi pusat kegiatan keilmuan dan penemuan-penemuan ilmu baru selaras dengan perkembangan semasa.
- v. Melaksanakan pendekatan berkelompokan atau *clustering* bagi menggalakkan IPTA tempatan berkongsi kepakaran dan sumber yang ada, serta mempunyai '*niche*', dalam bidang-bidang yang menjadi teras berdasarkan kekuatan universiti tersebut.
- vi. Memperkukuhkan jaringan antarabangsa dengan universiti-universiti tersohor luar negara dan dengan badan-badan pendidikan yang berwibawa serta berpengaruh supaya universiti kita mendapat pengiktirafan seluas-luasnya.

Njm46

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. TUAN HAJI ABDUL SHUKOR BIN MOHD SULTAN**

TARIKH : **10.10.2013**

SOALAN :

Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan susulan Kementerian terhadap persatuan pendidikan Cina yang berterusan mempersoalkan sistem pendidikan negara hasil pembentangan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) walaupun jelas pelan ini memberi manfaat dan bakal meningkatkan kualiti pendidikan kepada semua pelajar tanpa mengira bangsa dan warna kulit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengadakan perbincangan bersemuka dengan pertubuhan-pertubuhan Cina termasuk Dong Zong bagi menjelaskan agenda transformasi pendidikan dan isu-isu yang dibangkitkan oleh pertubuhan tersebut.

KPM juga telah mendengar dan mempertimbangkan setiap pandangan daripada semua pihak sebelum pelancaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 pada 6 September 2013. Semua cadangan yang terkandung dalam PPPM adalah selari dengan dasar dan perlembagaan Malaysia khususnya yang melibatkan sistem sekolah pelbagai aliran, memartabatkan bahasa Malaysia dan memperkukuh bahasa Inggeris,

Njm47

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK CHIN SU PHIN
TARIKH : 10.10.2013
SOALAN :

Datuk Chin Su Phin minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian merasakan dengan memberikan buku teks percuma kepada pelajar di IPTA dan IPTS sebenarnya lebih berkesan berbanding memberikan mereka baucar buku teks dan berapakah anggaran perbezaan kos yang akan ditanggung sekiranya perkara ini dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah melaksanakan inisiatif pemberian Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) 2013 bernilai RM250 kepada 1.3 juta pelajar warganegara Malaysia yang berada di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) tempatan, Kolej Matrikulasi serta Tingkatan 6. BB1M ini adalah untuk pembelian buku-buku akademik, jurnal, majalah ilmiah dan peralatan pembelajaran berdasarkan keperluan institut pengajian masing-masing. Objektif utama pemberian BB1M ini adalah untuk membantu meringankan beban perbelanjaan pembelian buku pengajian serta memupuk minat membaca di kalangan rakyat Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebanyakan IPTA dan IPTS menggunakan buku akademik atau buku teks yang berlainan sebagai bahan rujukan utama dalam pengajian. Keperluan buku akademik atau buku teks ini juga adalah berbeza-beza bergantung kepada keperluan program, fakulti, institusi dan juga pensyarah masing-masing.

Sehubungan dengan itu, julat perbezaan kos penyediaan buku akademik atau buku teks antara setiap jurusan di setiap IPTA/IPTS adalah tinggi dan terlalu subjektif. Ini akan menyukarkan kawalan peruntukan oleh Kerajaan selain daripada membuka ruang kepada penyelewengan dalam perolehan buku akademik atau buku teks tersebut. Oleh itu, Kerajaan telah melaksanakan inisiatif BB1M ini dengan pemberian baucar buku secara terus kepada pelajar

bagi memastikan pelajar dapat merancang sendiri keperluan pengajian mengikut keutamaan masing-masing. Kerajaan telah menyediakan peruntukan seperti berikut bagi memastikan kelancaran pelaksanaan inisiatif BB1M ini:

Bil	Perkara	Bil Murid	Peruntukan
1.	Pengagihan BB1M 2012 - (RM200 setiap pelajar)	1,300,000	RM260,000,000
2.	Pengagihan BB1M 2013 - (RM250 setiap pelajar)	1,300,000	RM325,000,000

Njm48

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH KHAIIRIAH BINTI MOHAMED
TARIKH : 10.10.2013
SOALAN :

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah alternatif baru penempatan pelajar Malaysia bagi menggantikan tempat pengajian yang terjejas di Mesir kesan krisis yang sedang berlaku.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan tinjauan lapangan ke Mesir oleh pasukan khas yang diketuai oleh Y.B. Menteri Pendidikan II pada 24 hingga 26 Ogos 2013, pergolakan di Mesir akan berlarutan dan tidak akan berakhir dalam jangka masa terdekat. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah mengambil beberapa tindakan bagi memberi alternatif kepada pelajar-pelajar yang ingin menyambung pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia.

Susulan daripada pertemuan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan para ibu bapa dan pelajar-pelajar pada 12 September 2013, Jemaah Menteri dalam mesyuarat pada 18 September 2013 telah mengambil keputusan untuk membenarkan pelajar-pelajar Malaysia dari universiti di Mesir yang memilih untuk menyambung pengajian di IPT di Malaysia dalam bidang perubatan, pergigian dan farmasi dibolehkan melaksanakan pemindahan kredit berdasarkan prinsip "*parallel*" (selari) dan *minus one rule* (peraturan tolak satu) berdasarkan tahun pengajian. Walau bagaimanapun, penempatan pelajar-pelajar di IPT di Malaysia tidak melibatkan pelajar-pelajar yang sedang mengikuti program klinikal bagi bidang perubatan dan pergigian. Bagi pemindahan kredit bidang Pengajian Islam pula adalah mengikut syarat yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia atau Malaysian Qualification Agency (MQA).

Bagi melicinkan pengurusan pengajian pelajar yang akan meneruskan pengajian di IPT di Malaysia, sebuah Jawatankuasa Pengurusan Pengajian Pelajar Malaysia di Mesir (JPPPM) telah ditubuhkan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah, Jabatan Pengajian Tinggi yang turut dianggotai oleh wakil-wakil daripada Majlis Perubatan Malaysia, Majlis Pergigian Malaysia, Lembaga Farmasi Malaysia dan agensi penaja Kerajaan Persekutuan serta Negeri. Jawatankuasa ini berfungsi bagi merancang, menyelaras dan mengurus hal-hal berkaitan dengan pengurusan pengajian dan pemindahan kredit berdasarkan prinsip "*parallel*" (*minus one rule*) atau mengikut MQA.

Pihak Kerajaan menerusi Kementerian Pendidikan Malaysia menyediakan alternatif kepada pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pengajian di IPT di Malaysia tetapi tidak menghalang pelajar-pelajar yang memilih untuk melanjutkan pengajian mereka ke Mesir.

Njm49

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATUK JAMILAH SULAIMAN**
TARIKH : **10.10.2013**
SOALAN :

Datuk Jamilah Sulaiman minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membina SMK Marak Parak dalam daerah Marudu dan sekiranya ada, bilakah ia akan dapat dilaksanakan

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) belum bercadang untuk membina SMK Marak Parak di daerah Marudu. Walau bagaimanapun, KPM akan meneliti keperluan pembinaannya bersama Jabatan Pendidikan Negeri dan kedudukan kemampuan kewangan semasa.

Njm50

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR
TARIKH : 10.10.2013
SOALAN :

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) situasi terkini pelajar-pelajar yang berada di Mesir dan yang pulang daripada Mesir; dan
- (b) apakah usaha-usaha Kementerian untuk menyelesaikan keengganan lebih daripada tiga ribu pelajar Malaysia yang tidak mahu kembali belajar di Mesir.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) dan (b)

Keadaan di Mesir sekarang adalah tidak stabil ekoran daripada tindakan meleraikan perhimpunan penyokong Bekas Presiden di beberapa kawasan panas. Berdasarkan tinjauan lapangan ke Mesir pada 24 hingga 26 Ogos 2013, pergolakan di Mesir akan berlarutan dan tidak akan berakhir dalam jangka masa terdekat. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah mengambil beberapa tindakan bagi memberi alternatif kepada pelajar-pelajar yang ingin menyambung pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia. Keadaan ini juga menyebabkan semua pemergian pelajar baru ditangguhkan untuk sesi 2013/2014 yang sepatutnya bermula pada September 2013.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa mengambil berat keselamatan dan kepentingan pengajian pelajar-pelajar Malaysia di Mesir. Oleh itu, pihak Education Malaysia Egypt (EME) dengan kerjasama Kedutaan Malaysia Kaherah (KBMK) telah memindahkan pelajar-pelajar di kawasan panas ke kawasan yang lebih selamat.

Sehubungan dengan itu, semua pelajar Malaysia yang berada di Mesir diarahkan agar berada dalam rumah masing-masing dan dinasihatkan tidak melibatkan diri dalam sebarang perhimpunan serta sentiasa mematuhi arahan KBMK dan EME.

Njm51

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. TUAN CHANDRA MOHAN A/L
S. THAMBIRAJAH**

TARIKH : **10.10.2013**

SOALAN :

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendirian Kementerian mengenai tindakan SMK Seri Sentosa untuk memasang televisyen litar tutup (CCTV) di tandas murid lelaki dan perempuan dan apakah langkah-langkah kawalan untuk memastikan CCTV ini tidak disalahgunakan baik oleh kakitangan sekolah, murid-murid dan/atau penceroboh.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan siasatan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), didapati kawasan yang dipantau menerusi CCTV tersebut hanya melibatkan kawasan singki dan tidak melibatkan keseluruhan tempat dalam kawasan tandas tersebut. Pemantauannya juga didapati tidak menghala ke bilik mangkuk tandas (*cubical*) murid. Hal pemasangan CCTV ini juga telah dibincang bersama Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah sebagai satu usaha untuk menangani masalah vandalisme, disiplin serta mengawal keselamatan murid di sekolah ini.

Usaha dan inisiatif yang dilakukan oleh pihak pentadbir dan PIBG sekolah ini adalah merupakan satu usaha yang baik. Namun pemasangan CCTV bagi memantau dan menangani isu tersebut dalam kawasan tandas sekolah adalah tidak wajar dilaksanakan kerana ia bertentangan dengan hak kebebasan (*privacy*) murid-murid.

Pihak KPM telah meminta pihak pentadbiran sekolah ini memindahkan CCTV yang berada dalam tandas murid tersebut ke kawasan yang lebih sesuai dan wajar. Kenyataan akhbar berkaitan perkara tersebut telah dibuat pada 13 September 2013 dan turut dimuat naik ke dalam laman web KPM.

Soalan No :

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' MUHAMMADOLIAN B. ABDULLAH
TARIKH : 10.10.2013
SOALAN :

Dato' Muhammadolian b. Abdullah minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan penyelesaian terhadap beberapa isu yang sering dibangkitkan oleh ibu bapa pelajar Orang Asli seperti pengangkutan dan akses jalan raya, bekalan air bersih, kanak-kanak tidak bersekolah, sikap pengetua dan guru-guru kurang mesra dan penggunaan wang KWAMP kepada tujuan yang tidak dibenarkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melancarkan Pelan Transformasi Pendidikan Orang Asli pada 21 Jun 2012 oleh Y.A.B Timbalan Perdana Menteri bertujuan meningkatkan akses, kualiti dan ekuiti terhadap pendidikan anak-anak Orang Asli. Inisiatif-inisiatif yang disediakan diharap mampu meningkatkan tahap dan mutu pendidikan murid-murid Orang Asli. Seperti sedia maklum, bantuan-bantuan pendidikan yang disediakan oleh KPM kepada anak-anak Orang Asli ialah Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM), Bantuan Makanan Asrama (BMA). Rancangan Makanan Tambahan (RMT), Bantuan Buku Teks, Bantuan Jaket Keselamatan, dan Subsidi Pengangkutan untuk murid tinggal di asrama.

Pihak ibu bapa murid Orang Asli sering membangkitkan isu pengangkutan, akses jalan raya, dan bekalan air bersih ke sekolah. KPM sentiasa memberi perhatian yang serius bagi mengatasi permasalahan ini. Sebagai contoh, antara kaedah penyelesaian terhadap isu pengangkutan ialah dengan menyediakan kemudahan asrama di Sekolah Orang Asli termasuk kemudahan asrama bagi pelajar Orang Asli yang bersekolah menengah. Ia bertujuan mengurangkan implikasi berkaitan dengan kos dan mod pengangkutan yang terpaksa ditanggung oleh pihak ibu bapa. Selain daripada itu, di dalam Pelan Transformasi Pendidikan Orang Asli, peluasan Sekolah Model Khas Komprehensif (K9) merupakan satu inisiatif bertujuan menangani isu keciciran

murid Orang Asli di peringkat transisi iaitu tamat Tahun Enam ke Tingkatan Satu. Pihak ibu bapa tidak perlu menghantar anak mereka untuk bersekolah menengah yang jaraknya jauh dari penempatan mereka. Pengangkutan murid ke sekolah juga merupakan tanggung jawab pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) menerusi Skim Bantuan Galakan Pendidikan (SBGP), di mana pihak JAKOA menyediakan pengangkutan pergi dan balik ke sekolah, dan semasa cuti persekolahan.

Tuan Yang di Pertua,

KPM sentiasa bekerjasama dalam menyalurkan maklumat berkaitan keadaan jalan raya khusus yang melibatkan jalan perhubungan ke sekolah kepada pihak yang berkenaan. Ini disebabkan penyediaan kemudahan jalan di kampung-kampung Orang Asli adalah di bawah bidang kuasa kementerian lain, contohnya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Isu ini juga turut dikemukakan kepada pihak JAKOA agar permasalahan ini dapat ditangani secara bersama.

Bekalan air bersih di Sekolah Orang Asli juga merupakan isu yang sering dibangkitkan. KPM berusaha menangani isu ini dengan memastikan pihak kontraktor yang dilantik melakukan penyelenggaraan berkala terhadap sistem bekalan air bersih yang disalurkan ke sekolah. Walaupun begitu terdapat juga kes-kes sistem bekalan air yang tidak berfungsi yang berkait dengan sumber bekalan elektrik dan masalah sumber air. Sebagai contoh, mesin pemprosesan air ini memerlukan bekalan elektrik 24 jam untuk berfungsi sepenuhnya, akan tetapi terdapat Sekolah Orang Asli yang masih menggunakan kemudahan generator untuk membekalkan elektrik secara berkala. Ini menyebabkan mesin pemprosesan air ini tidak dapat berfungsi. Bagi mengatasi permasalahan ini, pihak Kementerian Pendidikan bekerjasama dengan pihak KKLW menerusi Projek Bekalan Air Luar Bandar.

Pelbagai usaha dilakukan oleh pihak KPM bagi menangani isu kanak-kanak Orang Asli yang tidak bersekolah. Penyediaan skim bantuan pendidikan, program *outreach* ke perkampungan Orang Asli, dan program Kelas Dewasa (KEDAP) diharap mampu meningkatkan tahap kesedaran pendidikan dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Pihak sekolah turut melaksanakan program turun padang dengan menjejaki anak-anak Orang Asli di usia persekolahan yang tidak bersekolah. Program seperti ini turut melibatkan pihak JAKOA dan Jabatan Pendaftaran Negara dengan turut menangani isu kanak-kanak Orang Asli tanpa dokumen.

Tuan Yang Di Pertua,

KPM menyedari bahawa mendidik murid-murid Orang Asli memerlukan pendekatan yang berbeza. Justeru itu, pihak sekolah di arah mempraktik amalan `Guru Penyayang` di mana guru-guru lebih mesra dengan murid-murid

di sekolah. Guru-guru yang ditempatkan di Sekolah Orang Asli turut diberikan pendedahan tentang sosio budaya masyarakat Orang Asli dan pedagogi peribumi. Ia bertujuan agar guru-guru lebih memahami tentang adat resam, bahasa, budaya, pantang-larang masyarakat Orang Asli. Guru Besar Sekolah Orang Asli turut dimaklumkan agar sentiasa memberikan bimbingan kepada guru-guru di sekolah untuk mewujudkan suasana yang mesra terutama dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Pihak Kementerian Pendidikan juga telah melaksanakan pendedahan kepada guru-guru di Sekolah Orang Asli berkaitan pelaksanaan program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia (ATHAM) yang dianjurkan oleh pihak SUHAKAM.

Pihak Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, dan pihak sekolah sentiasa diingatkan agar mematuhi tatacara pemberian wang KWAPM seperti mana yang digariskan di dalam Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 5 Tahun 2012 bertarikh 15 Mac 2012. Prosedur pemberian bantuan wang KWAPM secara jelas dinyatakan di dalam surat pekeliling ini. Sebagai contoh, pihak sekolah diminta menubuhkan Jawatankuasa Bantuan Peringkat Sekolah bertujuan menyelaras penerima bantuan wang KWAPM dan memastikan pembayaran KWAPM dilaksanakan mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Ia juga bertujuan mengelakkan penggunaan wang KWAPM kepada tujuan yang tidak dibenarkan.

Njm53

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATUK CHIN SU PHIN**
TARIKH : **10.10.2013**
SOALAN :

Datuk Chin Su Phin minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah susulan yang boleh diambil oleh Kementerian dalam menaikkan kembali ranking IPTA di negara kita yang mana telah mengalami penurunan yang agak ketara mengikut QS World University Rankings.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian kepada soal ranking universiti dalam negara bagi melihat sekiranya ia dapat dibantu bagi memperbaiki kedudukannya dalam senarai ranking universiti terbaik dunia. Kedudukan naik turun dalam senarai ranking adalah perkara yang biasa berlaku dan kedudukan sesebuah universiti tidak seharusnya dilihat dalam satu-satu masa tertentu sahaja, sebaliknya perlu dilihat dalam satu tempoh jangka masa sederhana dan panjang.

Justeru itu, pelbagai usaha telah diambil oleh pihak Kementerian dalam memperbaiki dan memperkukuhkan ranking institusi pengajian tinggi (IPT). Antara langkah yang telah diambil seperti berikut:

- a) Pengiktirafan Universiti Sains Malaysia (USM) sebagai Universiti bertaraf APEX (Accelerated Programme for Excellence) merupakan usaha ke arah universiti terbaik dunia. Ini adalah selaras dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara yang menetapkan sasaran supaya menjelang tahun 2020 tiga IPT tempatan berada dalam kedudukan 100 universiti terbaik dunia di mana satu daripadanya antara 50 yang terbaik;
- b) Pengiktirafan Universiti USM, Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sebagai Universiti Penyelidikan. Dengan

pengiktirafan ini, kelima-lima institusi pengajian tinggi awam (IPTA) tersebut akan mempergiatkan lagi aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta inovasi;

- c) Malah pada tahun 2010, Kementerian Pengajian Tinggi telah mengiktiraf enam Pusat Kecemerlangan di IPTA sebagai Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HICoE) untuk melaksanakan penyelidikan kolaborasi penyelidikan dan kepakaran serta menghasilkan penerbitan berimpak tinggi bagi melonjakkan pencapaian masing-masing di peringkat antarabangsa;
- d) Satu pelan khusus tentang bagaimana pelaksanaan pemberian autonomi kepada IPTA dari aspek kewangan dan lain-lain bertujuan untuk memaksimumkan penggunaan sumber-sumber yang diperoleh oleh IPTA bagi meningkatkan kedudukan universiti untuk jangka panjang sedang disediakan; dan
- e) Penarafan bintang IPT Tempatan termasuk IPTA dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dijalankan setiap tahun berdasarkan penilaian MyRA®. Kementerian mengalakkan IPT tempatan menilai pencapaian dan mengambil usaha-usaha melonjakkan kedudukan atau ranking mereka berdasarkan pencapaian dalam penilaian MyRA®. Ia dapat membantu IPT tempatan dalam mengenalpasti aspek yang perlu diberi perhatian dan diperbaiki.

Njm54

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B.
TARIKH : 10.10.2013
SOALAN :

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- a) apakah kelebihan dan kebaikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dengan sistem pendidikan yang ada sekarang; dan
- b) apakah Kementerian akan bertegas menggunakan Bahasa Malaysia sahaja dalam PPPM (2013-2025) sebagai medium integrasi nasional.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Kelebihan penting dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 adalah PPPM menyatakan dengan jelas hasrat yang ingin dicapai iaitu lima aspirasi sistem dan enam aspirasi murid. PPPM 2013-2025 juga menyatakan dengan jelas tempoh masa pelaksanaan bagi setiap inisiatif yang telah tentukan sasarannya.
- b) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan terus menjadikan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di sekolah aliran perdana seperti yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996.

Njm55

Soalan No :

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan**
TARIKH : **9.10.2013**
SOALAN :

Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan susulan Kementerian terhadap persatuan pendidikan cina yang berterusan mempersoalkan sistem pendidikan negara hasil pembentangan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) walaupun jelas pelan ini memberi manfaat dan bakal meningkatkan kualiti pendidikan kepada semua pelajar tanpa mengira bangsa dan warna kulit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mendengar dan mempertimbangkan setiap pandangan daripada semua pihak sebelum pelancaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 pada 6 September 2013. Semua cadangan yang terkandung dalam PPPM 2013-2025 adalah selari dengan dasar dan perlembagaan Malaysia khususnya yang melibatkan sistem sekolah pelbagai aliran, memartabatkan bahasa Malaysia dan memperkukuh bahasa Inggeris.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah mengadakan perbincangan bersemuka dengan pertubuhan-pertubuhan Cina bagi menjelaskan agenda transformasi pendidikan dan isu-isu yang dibangkitkan oleh pertubuhan tersebut.

Di samping itu, antara langkah yang dilakukan oleh KPM bagi menyalurkan maklumat kepada masyarakat mengenai PPPM adalah melalui media-media massa dalam semua bahasa termasuk program di televisyen seperti rancangan dialog, Malaysia Hari Ini, Selamat Pagi Malaysia dan Nasi Lemak Kopi O'. Bagi memastikan maklumat ini sampai kepada masyarakat Cina dan India, KPM telah menyebarkan melalui akhbar dan brosur dalam bahasa Mandarin dan bahasa Tamil.

Njm29

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI MUHAMAD YUSOF BIN HUSIN

SOALAN :

Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah punca sebenar seorang guru bernama Ismail bin Omar, 57 tahun dari Pulau Pinang diberhentikan kerja. Dalam satu kenyataan beliau di Sinar Harian bertarikh 19 Ogos 2013, beliau diberhentikan kerana menyambung pelajaran ke peringkat ijazah.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Encik Ismail bin Omar, bekas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DGA32 (KUP) semasa bertugas di SK Seberang Jaya, Pulau Pinang telah dihadapkan dengan pertuduhan tidak hadir bertugas selama 507 hari mulai 16 Jun 2009 hingga 31 Januari 2011.

Berdasarkan semakan yang dilakukan, beliau telah mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (TESOL) di Universiti Sains Malaysia (USM) secara sepenuh masa bagi bidang akademik 2009/2010 walaupun tidak mendapat kelulusan daripada Bahagian Tajaan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Pihak USM melalui surat bertarikh 12 Disember 2011 mengesahkan beliau telah mengikuti pengajian di USM bermula pada Semester 1, Sidang Akademik 2009/2010 (Jun 2009). Walau bagaimanapun, beliau telah ditamatkan pengajiannya pada Semester 1, Sidang Akademik 2010/2011 berkuat kuasa 1 November 2010 atas kegagalan mendaftarkan kursus bagi sidang akademik tersebut.

Lembaga Tatatertib KPM pada 19 Disember 2011, setelah mempertimbangkan fakta kes, memutuskan beliau bersalah dan dikenakan hukuman lucut hak emolumen bagi tarikh-tarikh beliau tidak hadir bertugas dan buang kerja berkuat kuasa 19 Disember 2011.

Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) pada 3 Disember 2012 telah menimbang rayuan beliau dan memutuskan untuk mengekalkan keputusan yang dibuat oleh Lembaga Tatatertib KPM.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **Y.B. TUAN HAJI AHAMAT @ AHAMAD BIN YUSOP**
SOALAN :

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan cadangan Kementerian mengatasi masalah obesiti di kalangan pelajar sekolah yang menunjukkan kurangnya kesedaran mengenai budaya penjagaan kesihatan di kalangan pelajar.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat mengambil berat berkaitan kesihatan dan kesejahteraan murid. Antara langkah-langkah KPM untuk memastikan kesihatan murid dilindungi adalah dengan memastikan *body mass index* (BMI) murid diukur dua (2) kali setahun. Murid-murid yang didapati 'obese' atau terencat pertumbuhan (*stunted*) akan dimaklumkan kepada ibu bapa dan dirujuk kepada klinik kesihatan untuk tindakan dan pemantauan selanjutnya.

Selain daripada itu Garis Panduan Kantin Sihat telah diedarkan ke semua sekolah pada tahun 2012 dan sekolah perlu mengikut garis panduan tersebut bagi memastikan kesihatan murid dilindungi. Antara perkara-perkara yang perlu dilakukan adalah memaparkan jumlah kalori mengikut umur yang diperlukan oleh murid mengikut umur dan waktu makan. Di samping itu, jumlah kalori makanan yang dijual di kantin sekolah juga perlu dipaparkan di kantin.

KPM melaksanakan sistem pemantauan Kendiri Kantin. Pemantauan ini dilaksanakan setiap hari dan pihak pentadbiran akan memastikan pemantauan tersebut dilaksanakan. Pegawai kesihatan daerah akan menyemak dan memantau sistem tersebut secara berkala.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AHAMAT @ AHAMAD BIN YUSOP

SOALAN :

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan inisiatif Kerajaan di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) dalam usaha meningkatkan kemahiran guru dalam penguasaan Bahasa Inggeris serta menyediakan setiap pelajar dengan kemudahan komputer riba.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah merangka Program Peningkatan Profesionalisme Guru Bahasa Inggeris hasil daripada Makmal NKRA Pendidikan di bawah *Government Transformation Program (GTP) 2.0* yang telah diadakan bertujuan meningkatkan kemahiran pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru sekolah rendah dan menengah. Salah satu inisiatif yang digariskan adalah program *Professional Up-skilling of English Language Teachers (Pro-ELT)*. Program ini dilaksanakan dalam dua (2) kohort seperti berikut:

- a) Kohort 1: Seramai 5,000 guru Bahasa Inggeris dilatih bermula November 2012 hingga Disember 2013.
- b) Kohort 2: Seramai 9,000 guru Bahasa Inggeris dilatih bermula November 2013 hingga Disember 2014.

Selain itu, salah satu tonggak utama di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 adalah '*enhancement of teaching pedagogy among English Language teachers*'. Dalam hal itu, KPM telah merangka '*school-based CPD*'. Dalam model ini, kumpulan sasaran adalah:

- a) SISC+ (*School Improvement Specialist Coaches* di PPD).
- b) *Peer coaches* di sekolah.
- c) Ketua panitia di sekolah.
- d) Pensyarah Institut Pendidikan Guru (IPG).

Tujuan model ini adalah bagi:

- a) Melengkapkan kumpulan sasaran dengan kemahiran dan pengetahuan untuk membantu guru di sekolah dan seterusnya memberi impak positif dalam '*student outcomes*'.
- b) Memenuhi dasar Melindungi Masa Instruksional (MMI).

Aspek latihan yang diberi kepada kumpulan sasaran di bawah model *Continuing Professional Development* (CPD) adalah:

- a) Untuk menambahkan kemahiran dan pengetahuan:
 1. *English Language Teaching Methodology for Primary Teachers*;
 2. *English Language Teaching Methodology for Secondary Teachers*;
 3. *Teaching of Oracy*;
 4. *Early Literacy Development*;
 5. *Differentiated learning* (latihan mengendalikan kelas pelbagai kebolehan)
 6. *Remedial instruction*;
 7. Penaksiran Berasaskan Sekolah (*School-based assessment*); dan
 8. *Oral Proficiency in English for Secondary Schools* (OPS 2.0)
- b) Untuk melengkapkan kumpulan sasaran dengan '*training skills*':
 1. *Toolkit (Introduction to basic training skills)*
 2. ELITE-TOT
 3. STEP (*State Trainer's Enhancement Programme*)

Guru bukan opsyen yang mengajar Bahasa Inggeris turut dilatih melalui kursus seperti berikut:

- a) *Intensive course for English Language Teaching (ICELT)*;
- b) *Reinforcing ELT for Non-Option Teachers (RELTNote)*; dan
- c) Kursus Pendek Kelolaan Institut (KPKI).

KPM berkeyakinan bahawa dengan pelaksanaan program dan kursus yang dirancang secara sistematik ini, tahap penguasaan, kemahiran dan kualiti guru Bahasa Inggeris akan dapat dipertingkatkan dan diterjemahkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran kepada murid. KPM juga akan melaksanakan kajian berkaitan kemudahan komputer untuk setiap murid.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI YUNUS BIN HAJI KURUS

SOALAN :

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) status 2 blok kuarters 4 tingkat, Jabatan Pelajaran di Labuan yang masih lagi belum diduduki oleh guru-guru walaupun proses baik pulih telah lama selesai dan nampak membazir; dan
- (b) adakah Kementerian bersedia mempertimbangkan agar dapat diserahkan kuarters tersebut untuk diduduki oleh penjawat awam lain di Labuan memandangkan isu kekurangan kuarters yang meruncing serta kos rumah sewa yang tinggi menjadi beban terutamanya di kalangan penjawat awam peringkat sokongan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Kerja-kerja pembaikan sistem perpaipan dan kumbahan untuk dua (2) blok kuarters rumah guru empat (4) tingkat Jabatan Pendidikan Labuan masih dalam proses pembinaan.
- (b) Buat masa ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memohon untuk mengubah suai kuarters rumah guru tersebut kepada Pusat Latihan Guru dan Kakitangan Sokongan di Labuan serta sebagai rumah penginapan untuk pegawai-pegawai dalam *Rolling Plan* akan datang. Walau bagaimanapun, kelulusan permohonan tersebut adalah tertakluk kepada kedudukan semasa kewangan negara.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH ROHANI BINTI ABDULLAH
SOALAN :

Puan Hajah Rohani binti Abdullah minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan pelajar asing yang sedang menuntut di IPT di negara ini mengikut negara dan bidang pengajian serta peringkat pengajian bagi tempoh 2012 dan 2013 terkini.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pada tahun 2012 seramai 26,232 orang pelajar antarabangsa yang mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dalam bidang pengajian Pendidikan, Sastera dan Kemanusiaan, Sains Sosial, Perniagaan dan Undang-undang, Sains, Matematik dan Komputer, Kejuruteraan, Pembuatan dan Pembinaan, Pertanian dan Veterinar, Kesihatan dan Kebajikan dan Perkhidmatan. Daripada jumlah tersebut, seramai 5 orang pelajar Diploma, 6,455 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda, 158 orang pelajar Diploma Lulusan Ijazah, 8,058 orang pelajar Sarjana, 10,202 orang pelajar Doktor Falsafah, 23 orang pelajar Profesional, 1 orang pelajar Matrikulasi dan 1,330 orang pelajar lain-lain. Bilangan pelajar antarabangsa yang tertinggi adalah dari negara Iran (Islamic Republic of) seramai 5,981 orang, Indonesia 3,636 orang, China 1,909 orang, Yemen 1,657 orang dan Iraq 1,509 orang.

Manakala, bilangan pelajar antarabangsa di IPTA sehingga Mac 2013 adalah seramai 26,614 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 5 orang pelajar Diploma, 6,403 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda, 189 orang pelajar Diploma Lulusan Ijazah, 8,083 orang pelajar Sarjana, 10,735 orang pelajar Doktor Falsafah, 9 orang pelajar Profesional, 1 orang pelajar Matrikulasi dan 1,189 orang pelajar lain-lain. Bilangan pelajar antarabangsa yang tertinggi adalah dari negara Iran (Islamic Republic of) seramai 5,598 orang, Indonesia 3,646 orang, China 1,850 orang, Iraq 1,660 orang dan Yemen 1,517 orang.

Bagi institusi pengajian tinggi swasta (IPTS), pada 6 Oktober 2013 terdapat seramai 54,753 orang pelajar antarabangsa dari 165 buah negara. Bilangan

pelajar mengikut sepuluh (10) negara penyumbang utama adalah dari negara China 6,605 orang, Nigeria 4,959 orang, Indonesia 4,781 orang, Iran 4,162 orang, Pakistan 2,694 orang, Yemen 2,205 orang, Bangladesh 1,953 orang, Sudan 1,763 orang, Sri Lanka 1,369 orang, Botswana 1,343 orang dan lain-lain negara 22,919 orang.

Pelajar antarabangsa di IPTS di peringkat Sijil adalah seramai 8,673 orang pelajar, 5,070 orang pelajar Diploma, 26,052 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda, 4,901 orang pelajar Sarjana, 807 orang pelajar Doktor Falsafah dan 9,285 orang pelajar lain-lain.

Jumlah pelajar antarabangsa aktif terkini di IPTS berdasarkan sepuluh (10) bidang pengajian tertinggi daripada 77 bidang yang ditawarkan adalah Perniagaan dan Pentadbiran 8,777 orang pelajar, Komputer 4,122 orang pelajar, Bahasa 3,320 orang pelajar, Perakaunan dan Percukaian 1,944 orang pelajar, Sains Komputer 1,875 orang pelajar, Pengurusan dan Pentadbiran 1,696 pelajar, Kejuruteraan dan Perdagangan Kejuruteraan 1,608 orang pelajar, Reka bentuk 1,468 orang pelajar, Agama 1,386 orang pelajar, Sains Sosial Perniagaan dan Undang-Undang 1,219 orang pelajar dan lain-lain 27,329 orang pelajar.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DR. ARIFFIN BIN S.M.OMAR**
SOALAN :

Dr. Ariffin bin S.M.Omar minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan selaras dengan matlamat Malaysia Education Blueprint untuk menghasilkan hanya guru yang terbaik sahaja, adakah Kementerian berpendapat bahawa di Malaysia terdapat terlalu banyak kursus latihan guru dengan kewujudan IPG dan IPT. Tidak elok jika kualiti guru terjejas oleh kerana tiada penyelarasan yang munasabah untuk menentukan mutu kursus perguruan di IPG dan IPT.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Keputusan Jemaah Menteri pada 12 Julai 2006 bersetuju bahawa latihan perguruan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) bagi guru-guru yang akan ditempatkan ke sekolah menengah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan dikendalikan oleh 13 buah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) iaitu:

- a) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM);
- b) Universiti Teknologi MARA (UiTM);
- c) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM);
- d) Universiti Malaya (UM);
- e) Universiti Malaysia Sabah (UMS);
- f) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA);
- g) Universiti Putra Malaysia (UPM);
- h) Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI);
- i) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM);
- j) Universiti Sains Malaysia (USM);
- k) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM);
- l) Universiti Teknologi Malaysia (UTM); dan
- m) Universiti Utara Malaysia (UUM).

Bagi Sesi Akademik 2013/2014, terdapat sembilan (9) buah IPTA yaitu UM, UKM, UPM, UIAM, UUM, UMS, UPSI, UiTM, dan UTHM yang menawarkan tempat bagi program pengajian ISMP dalam pelbagai bidang pengkhususan seperti bahasa, kemahiran, sains dan matematik.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DR. ARIFFIN BIN S.M.OMAR**
SOALAN :

Dr. Ariffin bin S.M.Omar minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan daripada Malaysia Education Blueprint ini, kami dapat lihat bahawa untuk pendidikan pra universiti, kedua-dua aliran Matrikulasi dan Tingkatan Enam akan dikekalkan. Apakah langkah penyelarasan yang akan diambil untuk menyamakan mutu/standard kedua-dua aliran ini. Selalunya kita difahamkan bahawa Matrikulasi lebih mudah dihadapi berbanding dengan STPM yang diberi keutamaan dalam pengambilan ke IPTA.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil kira pelbagai kelayakan masuk ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang merangkumi kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), Matrikulasi KPM, Asasi IPTA, Diploma IPTA/Politeknik/ ILKA/IPTS, GCE A-Level, International Baccalaureate Diploma (IBD) dan kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf oleh kerajaan serta diperaku oleh Senat Universiti.

Kelayakan Matrikulasi dan STPM adalah setara, kerana proses penyamataran kelayakan Matrikulasi dan STPM telah dilaksanakan secara bersepadu oleh KPM dengan Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM), Bahagian Matrikulasi (BMKPM) dan IPTA melalui Jawatankuasa Pembangunan Akademik (JPA) yang dianggotai oleh Timbalan-Timbalan Naib Canselor (Akademik) IPTA. Justeru, penyamataran ini diguna pakai sebagai kelayakan masuk kepada calon untuk mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Pertama IPTA.

Buat masa sekarang, KPM tidak bercadang untuk mengadakan peperiksaan kemasukan universiti yang sama bagi semua pelajar untuk menggantikan STPM, matrikulasi dan peperiksaan yang lain.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DR. ARIFFIN BIN S.M.OMAR**
SOALAN :

Dr. Ariffin bin S.M.Omar minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan dalam Malaysia Education Blueprint, masalah keciciran pelajar sekolah menengah tidak dibincangkan dengan teliti walaupun keciciran ini merupakan masalah yang besar. Pohon pihak Kementerian mengemukakan statistik keciciran pelajar sekolah menengah serta universiti-universiti dari tahun 2001-2013 dan terangkan langkah-langkah yang diambil dalam Blueprint untuk menangani masalah tersebut.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) membuat analisis murid yang tidak meneruskan persekolahan lepasan sekolah rendah adalah berdasarkan kohort murid dari Tahun 6 (peringkat rendah) sehingga mereka menamatkan persekolahan peringkat menengah di Tingkatan 5. Murid peringkat rendah merangkumi murid dari Sekolah Kebangsaan, SJK (C) dan SJK (T).

Untuk makluman, statistik kohort murid yang tidak meneruskan persekolahan dari Tahun 6 pada tahun 2006 ke Tingkatan 1 pada tahun 2007 adalah pada kadar 7.65 peratus. Manakala murid kohort ini yang tidak meneruskan persekolahan ke Tingkatan 3 pada tahun 2009 adalah pada kadar 1.67 peratus dan yang tidak meneruskan persekolahan ke Tingkatan 5 pada tahun 2011 adalah pada kadar 3.55 peratus.

Perlu ditegaskan bahawa, tidak semua murid tersebut tercicir terus daripada mengikuti sistem persekolahan, sebaliknya sebahagian besar murid ini sebenarnya meneruskan pelajaran di sekolah-sekolah bukan di bawah kelolaan KPM seperti sekolah swasta, sekolah agama rakyat, Sekolah Menengah Persendirian Cina, sekolah antarabangsa dan belajar di sekolah-sekolah yang tidak berdaftar dengan KPM seperti madrasah dan sebagainya. Sebilangan kecil pula mengikuti *home schooling* atau mengikut keluarga berhijrah ke luar negara.

Sehubungan dengan itu, KPM telah mengambil beberapa langkah bagi meningkatkan kadar penyertaan murid dan seterusnya mengurangkan kadar keciciran. Antaranya termasuk memperkasakan Pendidikan Vokasional, Transformasi Pendidikan Orang Asli, menambah baik kemudahan asas, memperbanyakkan program motivasi, meningkatkan kesedaran ibu bapa, mewujudkan dan memperluas program-program bantuan seperti menyediakan bantuan awal persekolahan, pemansuhan yuran persekolahan, Biasiswa Kecil Persekutuan, Rancangan Makanan Tambahan, Skim Baucar Tuisyen dan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM). Selain daripada itu juga, KPM telah menyediakan kemudahan asrama di sekolah-sekolah terpilih dalam usaha untuk mengatasi keciciran. KPM berkeyakinan langkah-langkah tersebut akan dapat mengatasi masalah keciciran dalam kalangan murid.

Jumlah pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mengikut peringkat pengajian Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah (Ph.D) yang keciciran atau tidak menyambung pengajian dari tahun 2001 hingga 2012 adalah seramai 48,867 (4.91%) pelajar.

Pelaksanaan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) adalah untuk memastikan supaya semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT) mematuhi keperluan yang digariskan di bawah Kerangka Kelayakan Malaysia. Salah satu keperluan yang telah digariskan di bawah Kerangka Kelayakan Malaysia kepada semua pemberi pendidikan tinggi adalah memastikan penilaian secara formatif dijalankan. Penilaian secara formatif ini adalah seperti yang digariskan di dalam Kod Amalan Audit Institusi atau dikenali sebagai *Code of Practice for Institutional Audit* (COPIA). Di dalam kod amalan ini ada menyatakan bahawa penilaian pelajar merupakan satu aspek jaminan kualiti yang amat penting. Oleh yang demikian, pemberi pendidikan tinggi perlu mewujudkan satu kaedah penilaian pelajar yang jelas, konsisten, berkesan, boleh dipercayai dan selaras dengan amalan semasa dan mesti menyokong dengan jelas pencapaian hasil pembelajaran. Ini bertujuan untuk memastikan tindakan pembedahan dan bantuan serta sokongan diberikan kepada pelajar-pelajar yang memerlukan supaya mereka mencapai sasaran pembelajaran yang telah ditetapkan.

Selain daripada itu, antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh pemberi pendidikan tinggi bagi mengelakkan keciciran pelajar adalah dengan menawarkan program yang mempunyai kurikulum yang sama untuk pengajian tahun pertama dan tahun kedua bagi membolehkan pelajar-pelajar cemerlang disyorkan untuk terus melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana. Manakala pelajar-pelajar yang tidak menunjukkan pencapaian yang diharapkan akan melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda. Dengan kaedah ini IPT dapat memantau pencapaian pelajar dan membuat syor yang sewajarnya bagi mengelakkan pelajar tercidir dari pengajian.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DR. ARIFFIN BIN S.M.OMAR**
SOALAN :

Dr. Ariffin bin S.M.Omar minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan meski pun peperiksaan kebangsaan seperti SPM dan STPM dikekalkan dalam Malaysian Education Blueprint, adakah sistem penyemakan dan 'grading' untuk peperiksaan tersebut akan dikemaskinikan. Adakah sistem 'grading' secara Gaussian (bermaksud markah lulus berasaskan markah purata dan bukan satu markah yang ditetapkan) akan dilupuskan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan pengurusan dan pengendalian peperiksaan awam melibatkan pakar pentaksiran luar negara dan jaringan profesional antarabangsa. Kesemua proses tersebut telah menepati ciri-ciri piawai pentaksiran pendidikan dan telah diurus secara sistematik bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan keputusan peperiksaan yang tinggi.

Semua kertas disemak adalah akur mengikut skema pemarkahan. Peraturan pemarkahan telah diselaraskan antara ketua pemeriksa dan semua pemeriksa. Sempadan markah ditentukan oleh prestasi keseluruhan tahun semasa iaitu melibatkan prestasi calon dan prestasi ujian. Penentuan sempadan pemarkahan adalah mengikut garis panduan dan prosedur yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Adalah menjadi tanggungjawab KPM memastikan pengurusan dan pengendalian keseluruhan peperiksaan adalah betul, adil dan saksama.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DR. ARIFFIN BIN S.M.OMAR**
SOALAN :

Dr. Ariffin bin S.M.Omar minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan ekoran daripada rancangan Malaysian Education Blueprint untuk mengukuhkan pendidikan Vokasional harus disokong, nyatakan apakah sasaran nisbah graduan vokasional : IPT yang hendak dihasilkan di Malaysia. Pengangguran di Malaysia boleh ditangani jika Kerajaan memberi lebih banyak tumpuan kepada pendidikan vokasional dan tidak terlalu terikat dengan pengeluaran graduan universiti.

JAWAPAN

Untuk maluman Ahli Yang Berhormat,

Pendidikan vokasional merupakan salah satu cabang pendidikan yang ditawarkan pada masa kini. Ia diwujudkan bagi memberi peluang kepada pelajar yang mempunyai kecenderungan kepada pendidikan sains dan teknologi untuk memenuhi keperluan tenaga kerja di industri di dalam mahupun di luar negara. Bagi merealisasikan program pendidikan teknikal ini, banyak program yang berkaitan telah diwujudkan dan ditawarkan. Sistem latihan ini juga telah diperkenalkan diperingkat sekolah menengah sehinggalah ke peringkat universiti.

Bagi menyokong keperluan tenaga manusia dalam Model Baru Ekonomi, Politeknik menasaskan penghasilan 400 ribu lulusan dikalangan yang berkelayakan diploma. Jumlah ini merupakan 59 peratus daripada 680 ribu pekerja berkelayakan diploma bagi memenuhi keperluan pekerjaan dalam bidang ekonomi utama negara (NKEA) dari tahun 2011 hingga 2020. Selepas 44 tahun penubuhannya, keupayaan 32 politeknik seluruh Malaysia akan digembleng bagi menyokong penghasilan bilangan tenaga kerja negara berkemahiran tinggi sebanyak 37 peratus menjelang tahun 2015. Setiap tahun politeknik akan menghasilkan seramai 30,000 hingga 40,000. Berdasarkan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Melangkaui Tahun 2020 (2010: 73)

seramai 3.3 juta pekerja diperlukan dan daripada jumlah tersebut, 1.5 juta merupakan mereka yang melalui pendidikan teknik dan vokasional atau TVET.

Selain itu, dengan penubuhan dua belas (12) kolej perintis pertama pada tahun 2001, jumlah kolej komuniti kini telah mencapai 86 buah dan merentasi semua negeri di Malaysia. Kolej Komuniti adalah sinonim dengan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional atau *technical and vocational education and training* (TEVT). Berdasarkan unjuran pengambilan pelajar di JPKK mulai Julai 2013, terdapat peningkatan sebanyak 10% pada tahun seterusnya iaitu peningkatan jumlah pelajar mendaftar pada setiap ambilan iaitu, Julai dan November dari 10,200 tahun 2013, 14,500 tahun 2014 dan 15,800 tahun 2015.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH KHAIRIAH BINTI MOHAMED

SOALAN :

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah kelas pemulihan yang terdapat di seluruh negara mengikut negeri dan bilangan guru yang berkemahiran khusus bagi kelas-kelas pemulihan mengikut negeri.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kelas pemulihan adalah aktiviti alternatif yang dijalankan apabila di dapati seseorang murid gagal mempelajari sesuatu kemahiran selepas mengikuti aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam kelas biasa. Setelah murid ini dapat menguasai kemahiran, mereka akan ditempatkan semula ke kelas biasa.

Sehingga Jun 2012, seramai 30,905 murid mengikuti program kelas pemulihan di seluruh negara. Hal ini meliputi seramai 27,276 murid di sekolah rendah iaitu 7209 murid di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, 1126 murid di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan 18,941 murid di Sekolah Kebangsaan. Manakala seramai 3629 orang murid mengikuti program ini di Sekolah Menengah kebangsaan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH KHAIRIAH BINTI MOHAMED

SOALAN :

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kadar literasi di Malaysia berbanding negara-negara lain di Asia.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Merujuk kepada data yang dikeluarkan oleh UNESCO, kadar literasi penduduk Malaysia pada tahun 2010 berbanding negara lain di Asia adalah seperti berikut:

Bil.	Negara	Belia	Dewasa
1.	Malaysia	98.4	58.5
2.	Mesir	87.5	52.3
3.	China	99.6	73.9
4.	Singapura	99.8	75.7
5.	Jordan	98.8	53.5
6.	Timor Laste	79.5	11.2
7.	Qatar	96.8	66.3
8.	Tunisia	97.2	23.3
9.	Palestin	99.2	-
10.	Bahrain	98.2	49.3

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN : BUKAN LISAN****DARIPADA : Y.B. DATO' DR. MASHITAH BINTI IBRAHIM****SOALAN :**

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah kurikulum baru yang dihasilkan oleh Jawatankuasa Khas Mengkaji Kurikulum Sejarah dan buku Teks Sejarah di Sekolah Menengah dapat diperkenal dan digunakan. Senaraikan langkah-langkah yang diambil pihak Kementerian untuk memastikan semangat patriotisme serta kefahaman mengenai Perlembagaan Negara dan Prinsip Rukun Negara di kalangan pelajar dapat dipertingkatkan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Jawatankuasa Khas Mengkaji Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah Sekolah Menengah yang ditubuhkan pada 3 Mei 2011 dan tamat pada 2 Mei 2012 bertujuan untuk mengkaji kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah sekolah menengah. Gerak Kerja Jawatankuasa Khas ini dilaksanakan mengikut garis masa yang dirancang meliputi aktiviti untuk mendapatkan pandangan dan gambaran menyeluruh tentang kurikulum dan Buku Teks Sejarah sekolah menengah sebagaimana yang dihasratkan dalam terma rujukan.

Jawatankuasa Khas ini telah mengemukakan hasil dapatan dan cadangan Jawatankuasa Khas kepada Menteri Pendidikan Malaysia pada 15 Mei 2013. Dua (2) jawatankuasa telah ditubuhkan iaitu Panel Pakar Rujuk Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah dan Jawatankuasa Kerja Penambahbaikan Mata Pelajaran Sejarah.

Panel Pakar Rujuk Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah yang melibatkan tokoh akademik daripada pelbagai kepakaran dalam bidang ilmu sejarah sama ada Sejarah negara mahupun Sejarah negara luar. Pembentukan panel ini bertujuan memastikan penggubalan kurikulum baru dan penerbitan buku teks Sejarah dapat memberi impak kepada pemahaman dan penghayatan Sejarah tanah air di samping membangunkan kurikulum Sejarah yang holistik.

Jawatankuasa Kerja Penambahbaikan Mata Pelajaran Sejarah ditubuhkan bagi meneliti dan mengkaji hasil dapatan dan cadangan Panel Pakar Rujuk Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah. Jawatankuasa Kerja Penambahbaikan Mata Pelajaran Sejarah memastikan tumpuan diberikan kepada usaha-usaha penambahbaikan mata pelajaran Sejarah untuk jangka pendek dan jangka panjang.

Antara aspek yang berkaitan dengan pelaksanaan kurikulum yang diberi tumpuan oleh Jawatankuasa Kerja ialah; buku teks, data guru opsyen, bahan dan program sokongan, pemantauan pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran Sejarah, pengurusan panitia Sejarah, kursus latihan guru pra perkhidmatan dan dalam perkhidmatan serta program bimbingan/intervensi peningkatan prestasi akademik mata pelajaran Sejarah.

Penggubalan kurikulum Sejarah Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah mengambil kira dapatan dan cadangan Jawatankuasa Khas. Kurikulum Sejarah akan dilaksanakan untuk murid Tahun 4 pada tahun 2014. Selaras dengan transformasi sistem pendidikan, penggubalan kurikulum Sejarah sedang dikaji bagi tujuan tersebut.

Perkara yang berkaitan dengan Perlembagaan Negara dan Rukun Negara akan diteliti semula dan aspek-aspek yang penting akan dimasukkan dalam kandungan kurikulum Sejarah agar pemahaman murid lebih jelas dan mantap. Melalui pengetahuan dan penghayatan Perlembagaan Negara dan Rukun Negara, murid diberi penjelasan tentang dasar pengenalan Perlembagaan Negara dan Rukun Negara dan peranannya dalam pembangunan sosial dan perpaduan negara. Jelasnya, matlamat Perlembagaan Negara dan Rukun Negara yang diterapkan adalah bertujuan untuk memupuk perpaduan dan memperkukuh semangat setia negara dan sebagai langkah awal untuk menanam semangat kebanggaan sebagai anggota satu bangsa yang terkenal dengan nama "Bangsa Malaysia".

Dengan organisasi kurikulum yang telah dirancang secara teliti dan mantap dengan menyepadukan pengetahuan, kemahiran dan nilai turut dicadangkan malah didedahkan kepada guru-guru untuk merealisasikan matlamat kurikulum Sejarah. Kemahiran Pemikiran Sejarah adalah fokus utama dalam mata pelajaran ini kerana teknik-teknik pengajaran dan pembelajaran adalah bersistematik dan mampu meningkatkan minat dan pemahaman murid terhadap mata pelajaran ini selain memupuk dan memperkukuhkan semangat setia negara dan jati diri murid sebagai warganegara Malaysia dan warga dunia.